

LAPORAN TAHUNAN
2013



SIDANG EDITORIAL

PENGERUSI

Abd. Rahman Haji Safie

SETIAUSAHA

Safriza Baharuddin

AHLI-AHLI

Prof. Dato' Dr. Mortaza Abdul Aziz, Prof. Dato' Dr. Ir. Badhrulhisham Abdul Aziz, Prof. Madya Dr. Ruzaini Abdullah Arshah, Dr. Syarifah Nur Aqida Syed Ahmad, Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay, Dr. Saiful NizamTajuddin, Dr. Mohd Yuhyi Mohd Tadza, Dr. Fatmawati Adam, Kamariah Gono, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais, Ernie Nurazlin Lizam, Ahmad Fauzi Mohamed Shah, Hazlina Faizal, Azrizulazmi Bustan, Mohd Shahri Mohd Akhir, Hazman Abdul, Emma Melati Burhanuddin, Rosidah Hassan, Jamil Basri, Syarifah Ikhmar Afzan Syed Abd Rahman, Zuryaty Zol, Saharudin Ramli, Nor Ashikin Sulaiman, Nadira Hana Ab Hamid, Abdul Aziz Abdul Wahab, Ahmad Fadly Ibrahim, Azlina Daharudin, Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan, Abd. Rahman Ahmad, Abd. Razak Ja'afar, Amirul Ahmad, Nurul Intan Syafinaz Aminudin, Mohd Muradzuddin Dzulkifli, Halimah Salleh, Raihana Sulaiman dan Wan Farid Wan Rusli.

PEREKA BENTUK GRAFIK

Azman Md Diah

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman

ISI KANDUNGAN

5	Visi dan Misi
5	Polisi Kualiti
6	Universiti Teknologi Pilihan Utama
8	Canselor
9	Pro-Canselor
10	Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
11	Naib Canselor
12	Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti
14	Pegawai Utama Universiti
16	Ahli Senat Universiti
18	Carta Organisasi Universiti Malaysia Pahang
19	Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah
20	Laporan Naib Canselor
23	Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
29	Pengurusan dan Pembangunan Akademik
39	Penyelidikan dan Inovasi
51	Pembelajaran Sepanjang Hayat
56	Pengantarabangsaan
62	Pengurusan Ilmu
69	Pembangunan Fizikal Kampus
75	Pembangunan Dan Aktiviti Pelajar
98	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
101	Pengurusan Kualiti dan Produktiviti
113	Pencapaian dan Kejayaan Fakulti
174	Makmal Berpusat
179	Pusat Kecemerlangan (CoE)
200	Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE)
222	Laporan Penyata Kewangan 2013

MISI KORPORAT

VISI

Menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

MISI

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti dan inovasi.

OBJEKTIF

- Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
- Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
- Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
- Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

FALSAFAH

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

POLISI KUALITI


POLISI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

SLOGAN

Kualiti dan Teknologi Menjana Kecemerlangan.

UNIVERSITI TEKNOLOGI PILIHAN UTAMA



Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah ditubuhkan pada tahun 2002. UMP ditubuhkan untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses. Penjenamaan semula semua kolej-kolej universiti awam pada 1 Februari 2007 telah menyaksikan KUKTEM ditukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).



KAMPUS UMP DI GAMBANG

UMP beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak di kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Kampus UMP terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.



KAMPUS UMP DI PEKAN

Kampus tetap UMP kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Ia menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan.

KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskangunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikangunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan dan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 43 program doktor falsafah, 43 program sarjana, 27 program ijazah sarjana muda, dan enam program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh lapan fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek);
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI); dan
- Fakulti Pengurusan Industri (FIM)

Di samping lapan fakulti tersebut, UMP juga mempunyai tiga buah pusat iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Institut Pengajian Siswazah (IPS) dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED). Selain itu, UMP juga mempunyai lima buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC), Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM), Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (Cariff), Pusat Kecemerlangan IBM & HeiTech Padu Berhad dan Pusat Kecemerlangan Nadir Bumi.

Malah, kewujudan UMP juga turut menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumumkan sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegrasi & Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

UMP juga diumumkan sebagai peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. (Miyazu), Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura), pemindahan serta perkongsian teknologi dalam bidang Radio Frekuensi dan *Wireless* hasil kerjasama dengan Agilent Technologies, bagi peningkatan kebolehpasaran graduan dengan menyediakan latihan dan kelengkapan kemahiran. Dalam industri pembinaan pula adalah hasil kerjasama dengan *Construction Industry Development Board (CIDB)* dan kerjasama dalam bidang Bioteknologi pula adalah untuk memberi nilai tambah dari segi kemahiran insaniah kepada bakal graduan dalam bidang teknologi di seluruh Malaysia.

Malah, melalui komitmen dan kerjasama pintar dengan IBM dan HeiTech Padu Berhad, UMP telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan IBM, Kampus Akademik yang pertama di Malaysia oleh IBM.



CANSELOR

**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG
TENGKU ABDULLAH AL-HAJ IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH**
DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu)., DK (Johor)., SPMJ., PAT.



PRO-CANSELOR

YANG HORMAT TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHD KHAMIL JAMIL



PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YANG HORMAT DATO' MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB



NAIB CANSOLOR

YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM



AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

PENGERUSI

**1. Yang Hormat Dato' Mohd Hilmei
Mohd Taib**
Pengerusi Eksekutif
HeiTech Padu Berhad
Level 15, Heitech Village
Persiaran Kewajipan, USJ 1
UEP Subang Jaya
47600 Selangor Darul Ehsan

AHLI-AHLI

**2. Yang Hormat Profesor Dato'
Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing
Ibrahim**
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

**3. Yang Hormat Tan Sri Dato' Sri
Abdul Aziz bin Abdul Rahman**
Presiden
**Majlis Bekas Wakil Rakyat
Malaysia (MUBARAK)**
No.399, Aras 1,
Bangunan UMNO Lama, JalanTunku
Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur

**4. Yang Hormat Datin Sri Dato'
Rohani binti Abdullah**
Felo Kanan
International Business School UTM
No.1, Jalan P10/5
Presint 10
62250 Putrajaya



5. Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid bin Salleh
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd.
 Perodua Automotive Centre
 Sungai Choh Beg Berkunci 226
 48009 Rawang Selangor

6. Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bin Syed Abdul Rahman
Pengarah Urusan
AJ Infinite (M) Sdn. Bhd.
 2-49, 2ndFloor, Jalan Kajang Perdana 3A Kajang Perdana
 43000 Kajang
 Selangor DarulEhsan

7. Yang Hormat Dato' Haji Ahmad Azmey bin Haji Abu Talib
Pengarah
Unit Pendidikan dan Latihan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
 Tingkat 2, Wisma FELDA
 Jalan Perumahan Gurney
 54000 Kuala Lumpur

8. Yang Berusaha Tuan Haji Ahmad Zakie bin Haji Ahmad Shariff
Pengerusi Eksekutif
Areldy Retail Leadership Development Centre
 17, Teratak U8/96A, Bukit Jelutong
 40150 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan

9. Puan Zawiah binti Wan Awang
Timbalan Pengarah Belanjawan (Ekonomi dan Industri) Bahagian Pengurusan Belanjawan Kementerian Kewangan Malaysia
 Pejabat Perbendaharaan Malaysia No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62592 Putrajaya.

SETIAUSAHA

10. Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim
Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang
 Lebuhraya Tun Razak
 26300 Gambang
 Kuantan, Pahang Darul Makmur

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI

- 1. Naib Canselor**
Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir
bin Daing Ibrahim
- 2. Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)**
Profesor Dato' Dr. Mortaza bin
Mohamed
- 3. Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)**
Profesor Dr. Mashitah binti Mohd.
Yusoff
- 4. Timbalan Naib Canselor (Hal
Ehwal Pelajar & Alumni)**
Profesor Dato' Dr. Yuserrie bin
Zainuddin
- 5. Penolong Naib Canselor
(Pembangunan Korporat &
Pengurusan Kualiti)**
Profesor Dr. Shamsuddin bin
Baharin
- 6. Pendaftar**
Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim
- 7. Bendahari**
Encik Zainudin bin Othman
- 8. Ketua Pustakawan**
Tuan Haji Ruslan bin Che Pee





AHLI SENAT UNIVERSITI

PENGERUSI

Naib Canselor

PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM
Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), Dip (ITM), CA (Malaysia), FCPA (Australia)

AHLI-AHLI

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PROFESOR DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED
Ph.D (UTM), M.Eng. (Sheffield), B.Sc. (Hons) (Southampton)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

PROFESOR DR. MASHITAH BINTI MOHD. YUSOFF
Ph.D (Wichita State), M.A. (W. Michigan), B.S. (Wichita State)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

YH. PROFESOR DATO' DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN
Ph.D (UKM), M. Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam

ENCIK FADZIL BIN MAT YAHAYA
M.Eng. (UTM), B.Eng (UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

PROFESOR MADYA DR. KAMARUL HAWARI BIN GHAZALI
Ph.D (UKM), M.Eng. (UTM), B.Eng (UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

YH. PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS
Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR MADYA DR. RIZALMAN BIN MAMAT
Ph.D (Birmingham), M.Eng.(UTM), B.Eng.(UTM)

Dekan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

PROFESOR DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF
Ph.D (USM), M.Sc. (RPI), B.Sc. (Michigan-Ann Arbor)

Dekan, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian

PROFESOR DR. JASNI BINTI MOHAMAD ZAIN
Ph.D (Brunel), M.Ed (Hull), PGCE (Sheffield Hallam), B.Sc. (Hons) (Liverpool)

Dekan, Fakulti Sains & Teknologi Industri

PROFESOR DR. JAMIL BIN ISMAIL
Ph.D (Imperial College, London), B.Sc. (UKM)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan

PROFESOR MADYA DR. ZULARISAM BIN AB WAHID
Ph.D (UTM), M.Eng (UTM), B.Sc (UTM)

Dekan, Fakulti Pengurusan Industri

Dr. Mohd. Ridzuan bin Darun
Ph.D (Lincoln), MBA (UUM), B.Sc (Southern Illionis)

Dekan, Institut Pengajian Siswazah

PROFESOR DR. ABDULLAH BIN EMBONG
Ph.D (Loughborough), M.Sc. (Indiana), B.Sc. (Hons) (USM)

Dekan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

PROFESOR DR. ABD JALIL BIN BORHAM
Ph.D (UM), M.Sha & Adm (UM), B.Sha & Econ (Hons) (UM)

Dekan Penyelidikan, Pejabat Penyelidikan

PROFESOR DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI
Ph.D (Newcastle Upon Tyne, UK), M.Sc. (UTM), BSc.
(Worcester Polytechnic Institute, USA)

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

PROFESOR DR. ZULKEFLI BIN YAACOB
Ph.D (Salford), M.Sc. (Texas), B.Sc. (Hons) (Camborne School
of Mines, England)

Profesor, Fakulti Sains & Teknologi Industri

PROFESOR DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN
Ph.D (Tasmania, Australia), MBA (UKM), B.Sc. (Hons)
(Tasmania, Australia)

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

YH. PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN ABU BAKAR
Ph.D (Hanyang, Korea), M.Sc. (Hanyang, Korea), B.Eng.
(Hanyang, Korea)

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR DR. SHAHRANI BIN ANUAR
Ph.D (Ohio, USA), M.Sc. (Syracuse, USA) B.Sc. (Strathclyde,
Scotland)

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR DR. ABDUL GHAFAR BIN ABDUL RAHMAN
Ph.D (Sheffield, UK), M.Eng. (Sheffield, UK) B.Eng. (Sheffield,
UK)

Profesor, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR IR. DR. HASSAN BIN IBRAHIM
Ph.D (UMIST,UK), M.Sc. (Ottawa, Canada) B.Eng.
(ITB,Bandung)

Profesor, Fakulti Sains & Teknologi Industri

PROFESOR DR. JOSE RAJAN
Ph.D (CSIR,India), M.Sc. (Andhra, India), B.Sc. (Kerala, India)

Pengarah, Pejabat Antarabangsa

PROFESOR MADYA DR. AINOL HARYATI BINTI IBRAHIM
Ph.D (UIA), M.Sc. (Aston,UK), B.Sc. (George
Washington,USA)

Pengarah, Pusat Keusahawanan

PROFESOR MADYA DR. NOOR AZLINNA BINTI AZIZAN
Ph.D (Liverpool), M.Sc. (Southampton), Post. Graduate Dip.
(Cambridge), BBA (Western Michigan), DBS (ITM)

Ketua Pengarah Eksekutif, UMP Advanced Education Sdn. Bhd.

PROFESOR DR. NOORNINA BINTI HAJI DAHLAN
Ph.D (Sheffield), M.Sc (Keele), BBA (Middlesex)

Ketua Pustakawan

TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE
M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)


Bendahari

ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN
C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)

SETIAUSAHA**Pendaftar**

TUAN HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM
M.Sc. (UPM), B.A (Hons) (UM)

CARTA ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Ke arah mencapai aspirasi Universiti Teknologi Pilihan Utama telah banyak usaha dan komitmen yang telah dan akan dilaksanakan oleh warga UMP di pelbagai peringkat bagi merealisasikan hasrat murni ini. Penawaran program yang kompetitif, penyelidikan dan inovasi yang dilaksanakan serta kebolehan warganya yang terdiri daripada staf dan pelajar telah memperlihatkan UMP dalam landasan untuk mencapai visi dan misinya.

Secara keseluruhannya, pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU) amat berbangga dengan pencapaian yang telah berjaya dilakar sepanjang tahun 2013. Dengan komitmen yang berfokus serta tidak berbelah bahagi, pihak LPU percaya dan yakin visi dan misi UMP bakal direalisasikan dalam tempoh yang dirancang. Pihak LPU sentiasa bersedia menjadi perintis cadangan dan pemberi saranan terbaik ke arah memastikan tindakan yang diambil menyokong aspirasi kecemerlangan UMP.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemegang taruh dan pelanggan di atas sokongan yang berterusan kepada UMP selaras dengan wadah meningkatkan tenaga mahir terutamanya dalam lapangan teknologi dan kejuruteraan. Sekalung tahniah dan syabas kepada warga UMP atas komitmen mengembleng tenaga, idea dan kepakaran bagi tujuan meningkatkan lagi jenama UMP di persada dunia.

Sungguhpun begitu, berdasarkan pengamatan yang jitu sebenarnya masih banyak perancangan strategik yang masih



dalam tindakan. Sehubungan itu, warga UMP tidak boleh terleka dengan pencapaian lalu malah perlu sentiasa responsif dan proaktif dalam merancang agenda dan mengatur tindakan yang padu dan bijaksana agar mengutamakan yang utama.

Sebagai penutup bicara, saya menyeru semua warga UMP agar terus bergerak selari dengan mengutamakan kualiti masa kerja, meningkatkan kemahiran dan kompetensi serta mendaulatkan pembangunan sahiah sebagai persiapan mendepani era yang lebih mencabar.

Salam hormat.

Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib

LAPORAN NAIB CANSOLOR

“Menuju Kecemerlangan, Kembali Kepada Asas”

Sebelas tahun berdiri sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus berusaha untuk mengekalkan keupayaannya untuk terus memacu kecemerlangan secara lestari di atas asas-asas yang mendasari penubuhannya.

Dari sudut governan bagi tahun 2013, UMP untuk melaraskan peranannya sejajar dengan penubuhan di peringkat Kerajaan Persekutuan berikutan penyusunan semula Kementerian Pendidikan yang turut mengambil alih fungsi Kementerian Pengajian Tinggi selepas pembentukan Jemaah Menteri yang baharu pascapilihan raya Umum Ketiga Belas.

Perkembangan ini menuntut UMP untuk terus memberikan tumpuan kepada agenda kecemerlangan berpandukan kerangka strategi dan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015. Dengan empat Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) yang telah ditetapkan iaitu Peningkatan Kualiti Akademik, Kelestarian Kewangan, Pembangunan Sosioekonomi dan Penjenamaan Bagi Penjajaran Strategik, semua Pusat Tanggungjawab, Fakulti dan Pusat Kecemerlangan di universiti ini telah diperanankan untuk mengatur gerak agenda-agenda mikro yang menyokong dasar makro tersebut.

Suku tahun pertama bagi tahun 2013 telah mengisytiharkan petunjuk-petunjuk positif yang memberi keyakinan bahawa UMP memang sebenarnya telah mencapai aras yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Seramai 202 orang atau 35% daripada keseluruhan 581 pensyarah memiliki kelayakan PhD berbanding hanya 16% pada tahun 2009. Dari segi enrolmen pula, seramai 7,474 pelajar prasiswazah



dan 746 pelajar pascasiswazah yang mengikuti 113 program pengajian berbanding 54 program pengajian pada tahun 2004.

Dengan strategi dan inisiatif yang telah digerakkan, UMP menjadi pilihan kepada antara calon matrikulasi dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang terbaik, sehingga 62% daripada pengambilan pelajar Sarjana Muda bagi Sesi Akademik 2012/2013 adalah mereka yang mempunyai CGPA 3.0 ke atas. Mulai sesi kemasukan 2013/2014 pula UMP akan mengambil kumpulan pelajar pertama bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) secara usaha sama dengan Institute of Technology Tallaght, Republik Ireland.

Untuk kekal mandiri dalam agenda kecemerlangannya, maka tahun 2013 menyaksikan tumpuan khusus UMP terhadap pemerksaan modal insannya, meliputi staf akademik dan pentadbiran. Pertama, sumber manusia UMP dilatih untuk menjadi individu berkeupayaan dan berkualiti tinggi. Setiap warga UMP haruslah terdiri daripada individu yang

mampu menyumbang secara produktif melalui bakat, ilmu pengetahuan, kemahiran dan tabiat kerja yang baik.

Kedua, sumber manusia sebagai ahli kumpulan yang menyumbang. UMP memerlukan ahli pasukan (*team player*) yang menyumbang keupayaannya untuk mencapai objektif dan matlamat pasukan serta bekerja dengan berkesan dalam pasukannya. Ketiga, pengurus kompeten yang berupaya mengelola manusia dan sumber dengan cekap dan berkesan ke arah pencapaian objektif yang telah ditentukan. Dalam kalangan warga UMP yang kompeten dan penyumbang yang berkesan di dalam pasukan, harus pula muncul mereka yang berbakat untuk mentadbir dan mengurus.

Keempat, UMP juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang efektif. Golongan ini merupakan individu yang mengupayakan komitmen dan usaha yang diwajibkan dengan wawasan yang ampuh dan jelas serta merangsang aras prestasi yang lebih tinggi. Kelima, UMP turut memerlukan golongan individu bertaraf Eksekutif Paras 5 yang berkeupayaan membangunkan kecemerlangan organisasi yang lestari. Mereka membina kegemilangan yang berkekalan melalui jalinan kesederhanaan peribadi dan keiltizaman terhadap profesion.

Justeru, menuju kecemerlangan dalam konteks pengekalan asas-asas sedia ada menuntut UMP untuk bertindak dengan mengambil kira faktor-faktor berikut sepanjang tahun 2013:

Menjangka – Keupayaan melihat trend, corak perubahan, justeru, membina senario untuk menangani keadaan mengikut kesesuaian serta kesediaan untuk mengambil kesempatan peluang yang datang dan mengatasi ancaman yang timbul melalui kekuatan yang ada;

Mencabar – Keupayaan untuk mencabar *status quo*, berfikir lateral dan mempersoal amalan-amalan semasa yang biasa-biasa;

Mentakrif – Keupayaan untuk mentakrifkan fenomena, dasar, perubahan dan perkembangan terkini supaya dapat menyediakan organisasi kepada tuntutan keadaan terkini;

Membuat keputusan – Keupayaan untuk menghadapi masalah dan membuat keputusan yang sukar lagi berani, dilakukan dengan disiplin dalam keadaan maklumat yang kurang lengkap;

Menjajar – Keupayaan untuk menjajar keseluruhan organisasi dan warganya di dalam persekitaran yang bersifat tidak menentu dan cabaran yang pelbagai dengan komitmen yang tinggi;

Belajar – Keupayaan untuk mempelajari dan mengambil iktibar dari segala hasil dan pengalaman organisasi.

Melalui trajektori yang telah dilikar, perjalanan dan migrasi menuju kecemerlangan sebagai universiti pilihan utama, seterusnya menjana kegemilangan hingga sampai ke destinasi, iaitu universiti teknologi bertaraf dunia, amat jelas. Laluan ini telah disepakati. Apa yang diperlukan ialah komitmen yang tinggi dalam kalangan warga UMP, pengurusan yang cekap dan berkesan dan kepimpinan transformasional yang berintegriti tinggi.

Pada masa yang sama, UMP sebagai sebuah institusi ilmu yang menuntut pemikiran dan tanggungjawab dan berhasrat untuk menuju kecemerlangan mesti kembali kepada asas, iaitu keindahan bentuk, kandungan, rasa dan mesti berfaedah kepada masyarakat. Bentuk adalah paparan fizikal yang dilihat, kandungan adalah pengisian ilmiah yang membawa wacana. Semua ini mesti bersatu untuk menyumbang kepada pembinaan insan yang berilmu lantas peningkatan daya saing Malaysia.

Justeru, tahun 2013 dilatari dengan pengisian lapan agenda berikut:

- Melaksana inisiatif bagi mencapai Petunjuk Utama Prestasi (KPI) atau mengekalkan pencapaian sedia ada;
- Memperkasa sumber manusia yang sedia ada dan meningkatkan pengurusan bakat yang sesuai untuk UMP dengan mengoptimumkan peranan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia;
- Sesuai dengan Tahun Kesukarelawan Nasional 2013, UMP akan terus memacu kesukarelawan dalam kalangan pelajar. Melalui penglibatan pelajar yang lebih luas, gelombang kesukarelawan boleh berlaku di luar mahu pun di dalam kampus seperti di pentadbiran kolej kediaman dan kerja amal untuk pelajar UMP yang kurang bernasib baik;

- Meningkatkan keupayaan pembelajaran asas setiap pelaja khususnya dalam *fundamentals* seperti Matematik dan Fizik; memperkasa kepimpinan pelajar melalui peningkatan *empowerment* (pengupayaan) dan *engagement* (libat sama);
- Memperjelaskan lagi peranan persatuan, koperasi dan syarikat milik UMP dalam konteks sumbangan mereka kepada kecemerlangan UMP. Dalam hal ini, kesukarelawan dalam kalangan staf juga diberikan penekanan;
- Mempergiat Kempen “Kewujudan UMP Disedari, Suara UMP Didengari” dipergiat untuk penjenamaan yang lestari. Kembali kepada asas memerlukan universiti relevan, dirujuk dan dihormati;
- Menziarahi semula amalan tadbir urus cemerlang semula dengan merujuk *University Good Governance Index* (UGGI) dan diubah suai menurut keperluan semasa;
- Mentransformasi budaya untuk merekayasa UMP dari aspek gelagat kewargaan organisasi (*organizational citizenship behavior*). Tumpuan khas diberikan kepada tabiat berjimat dan bercermat sebagai manifestasi kepada budaya kerja dan pengurusan cemerlang.

PROF. DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM

PENGURUSAN DAN
PEMBANGUNAN SUMBER
MANUSIA



PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PERJAWATAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah diluluskan waran perjawatan sebanyak 1,614 jawatan sehingga 31 Disember 2013 yang merangkumi tujuh jawatan bagi pengurusan tertinggi, 777 jawatan bagi kumpulan akademik, 224 jawatan bagi kumpulan pengurusan dan profesional dan 606 jawatan bagi Kumpulan Pelaksana. Keseluruhan staf UMP pada 31 Disember 2013, berjumlah 1,622 orang iaitu sebanyak 1,462 jawatan atau 90.14% diisi secara lantikan tetap dan 160 jawatan diisi secara lantikan Kontrak. Kedudukan perjawatan yang dilulus dan diisi di UMP seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Kedudukan Kumpulan Perjawatan (Lantikan Tetap dan Kontrak) Pada Tahun 2013


KUMPULAN	BIL. JAWATAN DILULUSKAN	JUMLAH PENGISIAN	PERATUS PENGISIAN
Pengurusan Tertinggi	7	7	100%
Akademik	777	663	85.32%
Pengurusan & Profesional	224	203	90.62%
Pelaksana	606	589	97.19%
JUMLAH KESELURUHAN	1,614	1,462	90.58%

Jadual 2: Kedudukan Kumpulan Perjawatan (Lantikan Kontrak (OS29000) Pada Tahun 2013

KUMPULAN	JUMLAH LANTIKAN
Pengurusan & Profesional	14
Pelaksana	146
JUMLAH KESELURUHAN	160


Sehingga 31 Disember 2013, pengisian jawatan akademik adalah berjumlah 666 orang. Pengisian jawatan akademik telah dibahagikan berdasarkan pengelasan jawatan seperti di dalam jadual berikut.

Carta 1: Bilangan staf akademik mengikut jawatan sehingga 31 Disember 2013




Bilangan Pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah turut mencatatkan pertumbuhan setiap bulan. Sehingga 31 Disember 2013, bilangan Pensyarah yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah ialah seramai 257 orang. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 29.80% iaitu peningkatan seramai 59 orang pensyarah daripada tahun 2012.

Carta 2: Bilangan Doktor Falsafah sehingga 31 Disember 2013




Bilangan staf akademik ini terdiri daripada 572 orang lantikan secara tetap dan 95 orang lantikan secara kontrak. Staf kontrak ini terdiri daripada 23 orang warganegara dan 72 orang bukan warganegara.

Carta 3: Bilangan staf akademik mengikut status sehingga 31 Disember 2013



Pelantikan staf dalam kalangan bukan warga negara turut dilaksanakan bagi menampung keperluan perjawatan di UMP. Bilangan staf bukan warganegara di UMP sehingga 31 Disember 2013 ialah seramai 75 orang yang terdiri daripada 72 orang staf kumpulan akademik dan tiga orang Pegawai Perubatan. Berikut adalah perincian mengikut negara asal.

Carta 4: Bilangan staf bukan warganegara sehingga 31 Disember 2013



MAKLUMAT DATA KENAIKAN PANGKAT

Pada tahun 2013, UMP telah melaksanakan eksais kenaikan pangkat bagi jawatan akademik dan bukan akademik. Maklumat dan data mengenai kenaikan pangkat staf akademik serta bukan akademik adalah seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 3: Kenaikan pangkat kumpulan akademik pada tahun 2013

BIL.	JAWATAN LAMA	JAWATAN BAHARU	JUMLAH
1.	Profesor Madya (DS54)	Profesor (VK7)	2
2.	Pensyarah Kanan (DS52)	Profeso Madya (DS54)	3
3.	Pensyarah (DS45)	Pensyarah Kanan (DS52)	20
4.	Guru Bahasa (DG41)	Guru Bahasa (DG44)	2


Jadual 4: Kenaikan pangkat kumpulan bukan akademik jawatan kumpulan sokongan pada tahun 2013

BIL.	JAWATAN LAMA	JAWATAN TERBAHARU	JUMLAH
1.	Pegawai Perubatan (UD47)	Pegawai Perubatan (UD52)	1
2.	Pustakawan (S44)	Pustakawan (S48)	1
3.	Pegawai Tadbir (N41)	Pegawai Tadbir (N44)	2

STAF CUTI BELAJAR DAN PENAJAAN FELLOWSHIP

Bagi peningkatan kerjaya staf akademik, sehingga 31 Disember 2013, UMP telah menghantar seramai 137 orang staf untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Bagi penajaan Skim *Fellowship* pula, sehingga 31 Disember 2013, seramai 133 orang telah menerima tajaan bagi melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Carta 5: Staf cuti belajar dan fellowship sehingga 31 Disember 2013



Perincian mengikut bidang seperti di dalam Jadual 5 di bawah:


Jadual 5: Bilangan staf cuti belajar dan fellowship mengikut bidang pengajian sepanjang tahun 2013

BIDANG	STAF		FELO		JUMLAH
	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	SARJANA	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	21	0	11	10	42
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	16	0	5	2	23
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	29	0	23	8	60
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	28	0	15	11	54
Fakulti Sains & Teknologi Industri	14	0	8	1	23
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	11	0	6	5	22
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	4	0	4	11	20
Fakulti Teknologi	5	0	3	3	11
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan	13	1	0	1	14
JUMLAH KESELURUHAN	141	1	75	52	269

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2013

UMP telah menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada 116 orang staf bagi tahun 2013. Berikut adalah maklumat bilangan penerima APC mengikut jabatan:


Carta 6: Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013



SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

UMP telah melaksanakan HRMIS secara berperingkat dan dipantau oleh Unit HRMIS, KPT. HRMIS kini telah dijadikan salah satu KPI bagi semua Naib Canselor. Dua modul telah dijadikan KPI iaitu Profil Peribadi dan Profil Perkhidmatan. Berikut adalah pencapaian pengemaskinian maklumat HRMIS di UMP sehingga 31 Disember 2012.

Carta 7: Status pengemaskinian profil peribadi dan profil perkhidmatan bagi UMP sehingga 31 Disember 2013



LATIHAN

Perancangan dan pelaksanaan latihan di UMP dikendalikan oleh Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi, Jabatan Pendaftar. Pada tahun 2013, sebanyak 112 kursus yang melibatkan 3,359 peserta telah berjaya dilaksanakan

KEURUSETIAAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia melalui Unit Pengurusan Governan menjadi urus setia kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang diadakan sebanyak empat kali pada 2013 dan Mesyuarat Eksekutif yang diadakan sebanyak tiga kali pada 2013.

Unit ini juga turut menjadi urus setia bagi Hari Bertemu Pelanggan UMP yang diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2013. Hari Bertemu Pelanggan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada staf dan pelajar UMP untuk mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Pendaftar.

PENGURUSAN DAN
PEMBANGUNAN AKADEMIK



PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

Dalam usaha memberikan pendidikan yang berkualiti, objektif pertama dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015 disasar untuk menghasilkan graduan yang cemerlang melalui program-program akademik yang kompetitif. Ianya merupakan fokus utama di bawah bidang keberhasilan utama universiti iaitu Peningkatan Kualiti Akademik melalui pemerkasaan program akademik, prasarana dan pengambilan pelajar bagi merealisasikan harapan universiti untuk diiktiraf sebagai sebuah Universiti Teknologi Bertaraf Dunia.

Tahun 2013 memperlihatkan penerusan beberapa usaha dan inisiatif yang lebih strategik digerakkan melalui penambahan penawaran program Sarjana secara kerja kursus, penawaran program separuh masa di peringkat Ijazah Sarjana Muda, penerokaan program baharu dan program usaha sama akademik seperti francais, pesisir dan sebagainya. Perkembangan ini menumpukan kepada aspek penawaran program akademik yang mendidik dan melatih tenaga manusia yang berkemahiran tinggi bagi menyumbang kepada perindustrian negara termaju ke arah negara berpendapatan tinggi.

PROGRAM PENGAJIAN YANG DIIKTIRAF, RELEVAN INDUSTRI DAN TERSOHOR

UMP bertekad untuk menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Hakikat tersebut menuntut supaya UMP sentiasa meletakkan usaha dan tekad yang tinggi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi melalui penawaran program pengajian yang diiktiraf, relevan industri dan tersohor di persada antarabangsa. Malahan ciri-ciri keunikannya yang tersendiri bersesuaian dengan moto *Engineering, Technology, Creativity* meletakkan UMP sebagai sebuah institusi yang melahirkan graduan bersifat futuristik, berfikiran baharu serta bertatasusila tinggi.


Usaha berterusan sentiasa dilakukan dengan meningkatkan pengantarabangsaan program akademik, memperkayakan inovasi dan kreativiti dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran di samping memfokuskan kepada pengalaman pelajar di peringkat global dan pembelajaran berasaskan hasil. Semua ini meletakkan pengurusan akademik memainkan peranan utama dalam mendokong peranan dan pembangunan akademik di universiti ini untuk melahirkan generasi ilmu dan modal insan yang menyumbang kepada pembangunan negara.

PROGRAM PENGAJIAN

Jadual 6: Bilangan program mengikut peringkat pengajian

Diploma	5
Sarjana Muda	27
Sarjana (Penyelidikan)	35
Sarjana (Kerja Kursus)	6
Ijazah Kedoktoran	28

Carta 8: Peratusan program mengikut peringkat pengajian



Jumlah keseluruhan program pengajian yang ditawarkan adalah 101 program dengan komposisi 32% di peringkat Prasiswazah dan 69% di peringkat pengajian siswazah. Jadual berikut menunjukkan senarai program baharu yang ditawarkan mulai tahun 2013

Jadual 7: Program baharu yang ditawarkan mengikut fakulti

FAKULTI	PROGRAM BAHARU YANG DITAWARKAN	
	PRASISWAZAH	PENGAJIAN SISWAZAH
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal		Sarjana Kejuruteraan Mekanikal
Fakulti Teknologi	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Farmaseutikal) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pengurusan Infrastruktur) dengan Kepujian	

POPULASI PELAJAR

Sehingga akhir tahun 2013, seramai 10,884 orang pelajar mengikuti pengajian di universiti ini merangkumi kedua-dua peringkat pengajian. Daripada jumlah tersebut, hampir 62% merupakan pelajar kejuruteraan manakala 38% pelajar daripada program bukan kejuruteraan. Manakala bilangan pelajar baharu yang mendaftar pada tahun 2013 mengikut bidang pengajian adalah seramai 1,326 orang pelajar kejuruteraan berbanding 954 orang pelajar bukan kejuruteraan.

Carta 9: Data enrolmen dan pelajar baharu mengikut bidang pengajian dan peringkat pengajian

KEJURUTERAAN				BUKAN KEJURUTERAAN				
	ENROLMEN	BAHARU			BAHARU	ENROLMEN		
6,783	1009	277	1,326	DIPLOMA	954	93	378	4,101
	5461	918		SARJANA MUDA		702	3171	
	14	12		SARJANA (KERJA KURSUS)		51	88	
	170	67		SARJANA (PENYELIDIKAN)		54	186	
	129	52		IJAZAH KEDOKTORAN		54	278	

REKRUTMEN PELAJAR TERBAIK

Pada sesi akademik 2013/2014, seramai 87.3% daripada 2,280 orang pelajar telah mendaftar untuk mengikuti pelbagai program pengajian Diploma dan Sarjana Muda. Sementara itu, 70% pelajar program pengajian Sarjana Muda tersebut mempunyai kelayakan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00 dan ke atas. Bagi penguasaan bahasa Inggeris, 51% pelajar yang mendaftar dalam program pengajian Sarjana Muda telah mencapai Band 3 dan ke atas dalam *Malaysian University English Test (MUET)*.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan untuk memastikan pelajar yang mengikuti pengajian di UMP merupakan pelajar yang cemerlang selaras dengan tema Pelan Strategik UMP iaitu Universiti Teknologi Pilihan Utama. Jadual 8 berikut menunjukkan antara promosi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 melibatkan promosi dalam dan luar negara.

Jadual 8 :Program promosi yang telah dilaksanakan sepanjang 2013

BIL.	PROGRAM	LOKASI (JUMLAH PENGUNJUNG)
1.	Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) Jom Masuk U	11 lokasi (620,000)
2.	Jelajah Kolej Matrikulasi	12 lokasi (21,450)
3.	Sekolah dan Lain-Lain Agensi	17 lokasi (3,400)
4.	Promosi Luar Negara (China, Bahrain, Arab Saudi, Dubai, Sharjah, Doha, Amman, Abu Dhabi)	8 lokasi (1,590)

KOMPOSISI PELAJAR PENGAJIAN SISWAZAH

Di peringkat pengajian siswazah, jumlah keseluruhan kemasukan pelajar baharu adalah seramai 290 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 246 orang pelajar mengikuti pengajian secara sepenuh masa manakala 44 pelajar lagi mengikuti pengajian secara separuh masa. Jadual 9 berikut menunjukkan kemasukan pelajar baharu pelajar tempatan dan antarabangsa yang telah diterima masuk mengikuti pengajian di UMP pada tahun 2013.


Jadual 9: Kemasukan pelajar tempatan dan antarabangsa ke program pengajian siswazah

PELAJAR	SARJANA (PENYELIDIKAN)	SARJANA (KERJA KURSUS)		Ph.D		
	SEPENUH MASA	SEPARUH MASA	SEPENUH MASA	SEPARUH MASA	SEPENUH MASA	SEPARUH MASA
Tempatan	90	13	33	23	52	8
Antarabangsa	18	0	7	0	46	0
Jumlah	108	13	40	23	98	8
JUMLAH KESELURUHAN	121	63	106	106	106	8

Jadual 10: Perincian pelajar sepenuh masa dan separuh masa mengikut program pengajian

PROGRAM PENGAJIAN	SEPARUH MASA	SEPENUH MASA
Sarjana Kejuruteraan	4	75
Sarjana Sains	9	43
Sarjana Pengurusan Teknologi	23	30
Doktor Falsafah	8	98
Jumlah	44	246
JUMLAH KESELURUHAN	290	

Carta 10: Jumlah pelajar sepenuh masa dan separuh masa berdasarkan pelajar tempatan dan antarabangsa




PENGANUGERAHAN DAN PENGIJAZAHAN

Majlis Konvokesyen Ke-8 UMP telah berlangsung pada 5 hingga 6 Oktober 2013. Pada majlis konvokesyen ini, KDYTM Tuanku Canselor telah berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kejuruteraan Kimia kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Abu Azam bin Md. Yassin yang juga merupakan mantan Rektor universiti yang pertama semasa Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM).

Konvokesyen pada kali ini menyaksikan seramai 2,095 orang telah bergraduat. Carta 11 di bawah menunjukkan jumlah graduan mengikut peringkat pengajian.

Carta 11: Jumlah graduan mengikut peringkat pengajian



* termasuk graduan Diploma Eksekutif daripada Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED)

PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR FALSAFAH KEJURUTERAAN KIMIA - YH PROFESOR EMERITUS DATO' DR. ABU AZAM BIN MD. YAASIN

Beliau merupakan teraju utama kepada kumpulan perintis yang mengasaskan penubuhan KUKTEM yang kemudiannya dijenamakan semula sebagai UMP.

Beliau telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan untuk menerajui penubuhan KUKTEM sebagai Rektor pertamanya. KUKTEM merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang keenam belas di Malaysia dengan kelulusan penubuhannya secara rasmi oleh Jemaah Menteri pada 16 Februari 2002.

Sebagai seorang yang dinamik serta berpandangan jauh, beliau membentuk KUKTEM sebagai sebuah 'organisasi tanpa kertas' (*paperless organization*) dengan menggunakan aplikasi

Sistem Pengurusan Bersepadu (*Integrated Management System –IMS*) sehingga melayakkan universiti ini memenangi beberapa anugerah berprestij seperti Anugerah Perdana Menteri Teknologi Maklumat daripada Kerajaan Malaysia dan Anugerah Merit MSC-APICTA pada tahun 2003.

PEMBANGUNAN DAN PENGEMBANGAN AKADEMIK

PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISME STAF

Staf akademik yang kompeten merupakan aset penting kepada pembangunan universiti. Untuk meningkatkan potensi dan kualiti staf akademik, pelbagai inisiatif telah disediakan dan salah satu daripadanya adalah melalui pelaksanaan Modul Latihan Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran (P&P).

Pada tahun 2013, menerusi Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) telah melaksanakan pengemaskinian modul kursus asas P&P susulan daripada beberapa penambahbaikan yang melibatkan beberapa modul iaitu:

- Modul 1 – *Academic Leadership*
- Modul 3 – *Understanding Learning & Teaching*
- Modul 6 – *Professional Practices*
- Modul 7 – *Practicum*

Sebanyak tujuh modul dilaksanakan di mana setiap satu modul mengandungi tiga sub modul. Kursus Asas P&P ini merupakan kursus yang wajib dihadiri oleh staf akademik baharu bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan.

INOVASI DAN AMALAN TERBAIK

Tahun 2013 turut menyaksikan beberapa inovasi akademik diperkenalkan bagi pemerkasaan pembelajaran & pengajaran. Antara inovasi yang dijalankan adalah:

- Pemerkasaan polisi penilaian pengajaran oleh pelajar (kelulusan Senat pada 30 Ogos 2013) iaitu mewajibkan semua pelajar membuat penilaian pengajaran.

- Penawaran kursus First Year Seminar kepada pelajar Tahun 1 Ijazah Sarjana Muda dan Diploma (bersifat sukarela) bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar agar dapat membantu mereka dalam melaras minda terhadap persekitaran baharu dan mencapai matlamat pembelajaran yang jelas

Carta 12 : Penawaran Kursus First Year Seminar (FYS)



JAMINAN KUALITI AKADEMIK

Sebanyak lima program kejuruteraan telah melalui proses pengakreditasi oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) menerusi Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC). Manakala dua program bukan kejuruteraan telah menerima lawatan akreditasi penuh oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Jadual 11 berikut menunjukkan program yang telah melalui proses penjaminan kualiti oleh pihak EAC dan MQA.

Jadual 11 : Senarai program akademik yang melalui proses penjaminan kualiti

BIL.	PROGRAM YANG DINILAI	FAKULTI	BADAN PENGIKTIRAFAN
1.	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam	Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)
2.	Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi)	Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	
3.	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	
4.	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	
5.	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif		
6.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Bioteknologi Industri Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)		Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
7.	Sarjana Sains Komputer (Teknologi Maklumat & Komunikasi)	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	

UMP sentiasa memastikan program akademik yang ditawarkan sentiasa berdaya saing dan pelbagai usaha dilaksanakan ke arah pembangunan program-program yang lebih futuristik, berinovasi dan kompetitif. Jadual 12 di bawah menunjukkan beberapa perancangan untuk pembangunan akademik universiti.

Jadual 12 : Maklumat perancangan program baharu

PERANCANGAN	KETERANGAN
Program Baharu	<p>Prasiswazah</p> <ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian <p>Pengajian Siswazah</p> <ul style="list-style-type: none"> Sarjana Kejuruteraan Industri (mod kerja kursus) Sarjana Kejuruteraan Elektrik (mod kerja kursus)

LATIHAN INDUSTRI

Tahun 2013 menyaksikan seramai 1,790 orang pelajar telah mengikuti latihan industri dan daripada jumlah tersebut seramai 12 orang pelajar telah berjaya menjalani latihan industri di luar negara seperti di China, Jerman, Korea, Yemen dan Turki. Jadual 13 berikut menunjukkan perincian pelajar yang telah mengikuti latihan industri.

Jadual 13: Jumlah pelajar yang berjaya menjalani Latihan Industri mengikut pecahan fakulti

FAKULTI								JUMLAH
BUKAN KEJURUTERAAN			KEJURUTERAAN					
FSKPP	FT	FSTI	FKM	FKASA	FKEE	FKP	FKKSA	
260	136	109	247	334	261	78	365	1,790

Jadual 14 : Senarai industri di mana pelajar menjalani latihan industri di luar negara

BIL.	NAMA INDUSTRI	NEGARA	JUMLAH
1.	Chang Chun Jiade Construction Company	China	1
2.	Guangxi Zhingtong Engineering Company Limited		1
3.	He Bei Jin Pin Construction Company		1
4.	Shen Zhen He Mu Electronic Co.Ltd		1
5.	Wuhan Yiye Consturction Engineering.Co.Ltd		1
6.	Infineon Technologies	Jerman	1
7.	Robert Bosh Gmbh Electrical Drives		1
8.	Robert Bosch Sdn. Bhd.		1
9.	Watlow		1
10.	Smart Institute Of Advanced Biomedical Science	Korea	1
11.	Kurtulus Hukuk Burosh	Turki	1
12.	Sabafon	Yemen	1
JUMLAH KESELURUHAN			12

KOKURIKULUM

Pusat Kokurikulum berperanan untuk menyelaras kursus-kursus ber kredit di samping pengurusan dan pelaksanaan aktiviti, pengurusan peralatan dan penilaian kursus-kursus yang dilaksanakan. Sejumlah tiga kursus baharu juga turut ditawarkan mulai 2013 iaitu *Basketball*, *RC Speed Boat* dan *ROBOCON*.

Beberapa kejayaan turut dicipta sepanjang tahun 2013. Antaranya ialah pentauliahkan Inspektor Kor SUKSIS ke atas 46 anggota kor SUKSIS yang layak pada 20 Ogos hingga 3 September 2013. UMP sendiri telah menerima tiga anugerah iaitu Pelatih Terbaik Keseluruhan, Pelatih Terbaik Akademik dan Pelatih Terbaik Aktiviti Luar.

Di samping itu, seramai 31 orang Pegawai Kadet PALAPES Laut telah ditauliahkan semasa Majlis Istiadat Pentauliahkan & Penerimaan Watak Diraja pada 20 Jun hingga 9 Julai 2013 yang lalu. UMP juga telah merakam sejarah di mana seorang pelatih UMP telah dianugerahkan sebagai Pegawai Kadet Terbaik.

Antara kejayaan lain yang turut dicapai adalah anggota Kadet Kor SISPA yang telah meraih tempat pertama dalam Pertandingan Pertolongan Gemas melibatkan seramai lima orang kadet yang telah berlangsung pada 23 hingga 27 Ogos 2013 yang lalu. Di samping itu, seramai 15 anggota Kor SISPA telah hadir ke Majlis Perhimpunan & Pentauliahkan Kor SISPA kali ke-4 yang diadakan di UTHM.

EKOSISTEM INTELEKTUAL

PERSIDANGAN AKADEMIA

Persidangan akademik merupakan satu program berprestij yang dijalankan bagi mengumpulkan maklumat penyelidikan terbaik di samping menjadi platform bagi para penyelidik membentangkan penemuan mereka. Sepanjang tahun 2013, sejumlah tujuh persidangan akademik telah dilaksanakan masing-masing lima di peringkat antarabangsa dan dua lagi dilaksanakan di peringkat kebangsaan mencakupi pelbagai aspek bidang ilmu.

Jadual 15: Senarai program persidangan akademik

TARIKH	PENGANJUR	PROGRAM	KERJASAMA	PERINGKAT
28 Februari 2013	UMP	<i>International Seminar on Rare Earth</i>	Akademi Sains Malaysia (ASM)	Antarabangsa
26 hingga 28 Jun 2013	Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM)	<i>The 3rd Korea-Malaysia Symposium on Watershed Management</i>	University of Seoul, South Korea	Antarabangsa
20 hingga 22 Ogos 2013	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	<i>3rd International Conference on Software Engineering & Computer Systems (ICSECS'13)</i>	Pejabat Menteri Besar Pahang	Antarabangsa
27 hingga 28 Ogos 2013	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	<i>2nd International Conference on Electrical, Control and Computer Engineering (InECCE 2013)</i>	SKMM & Agilent Technologist	Antarabangsa
28 hingga 29 Ogos 2013	Fakulti Sains & Teknologi Industri	<i>ICCEIB 2013: International Conference of Chemical Engineering & Industrial Biotechnology</i>	CARIFF	Antarabangsa
14 November 2013	Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan	<i>The Seminar On Language Learning & Teaching Practices (SELLT) 2013</i>	Malaysian English Language Teaching Association (MELTA) Pahang Chapter	Kebangsaan
3 hingga 4 Disember 2013	Jabatan Penyelidikan & Inovasi	<i>MUCET 2013 : Malaysian Technical Universities Conference on Engineering & Technology</i>	Malaysian Technical University Network (MTUN)	Kebangsaan

SYARAHAN UMUM UNIVERSITI

Syarah Umum Universiti adalah merupakan satu program yang terancang bertujuan untuk menyalurkan dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Program ini telah dijadikan pengisian dalam menyemarakkan aktiviti dan tradisi keilmuan di UMP. Syarahan Umum universiti yang dilaksanakan dengan rancaknya sepanjang tahun 2013 adalah Siri Syarahan Umum Antarabangsa, Siri Syarahan Umum Kebangsaan dan Siri Syarahan Umum Profesor.

Jadual 16: Siri Syarahan Umum Universiti sepanjang tahun 2013

TARIKH	PEMIDATO	JAWATAN/INSTITUSI	TAJUK SYARAHAN
SIRI SYARAHAN UMUM ANTARABANGSA			
21 Februari 2013	Prof. Dr. Hendrik Vrumme	President of Reutlingen University	<i>The Convergence : Business Engineering</i>
27 Februari 2013	Prof. Christopher R. Lowe	Professor in Biotechnology, Department of Chemical Engineering and Biotechnology, University of Cambridge	<i>Successful Implementation of Enterprise Program at University of Cambridge</i>
18 April 2013	Prof. Hyunook Kim	Profesor at University of Seoul, South Korea	<i>Future Watershed Based on ET-IT Fusion Technology</i>
15 Mei 2013	Prof. Dr. Promod Vohra	Dean, College of Engineering & Engineering Technology, Northern Illinois University (NIU), USA	<i>Engineering Technology in a Global World : Opportunities and Challenges</i>
SIRI SYARAHAN UMUM KEBANGSAAN			
18 September 2013	Tuan Haji Burhanuddin Md. Radzi	Pengarah Urusan, Les'Copaque Sdn. Bhd.	Di Sebalik Tadbir Upin Ipin: Dari Kaca Mata Tok Dalang
SIRI SYARAHAN UMUM PROFESOR			
20 Mac 2013	Prof. Dato' Ir. Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz	Profesor FKKSA / Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)	<i>Integrity, Science and Perception: Lesson Learnt From LYNAS Issues</i>
25 September 2013	Prof. Dr. Abdul Ghaffar bin Abdul Rahman	Profesor FKM	<i>Dynamic Design Verification and Virtual Instrumentation</i>
27 November 2013	Prof. Dr. Shamsudin bin Baharin	Profesor FKP / Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)	<i>Industry Centre of Excellence (I-CoE)</i>

JALINAN KERJASAMA

Sepanjang 2013, sejumlah 11 program telah dijalankan bersama dengan institusi luar yang berkaitan akademik. Tahun ini juga menyaksikan UMP menambah jalinan kerjasama dengan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) sebanyak lapan buah sekolah menjadikan jumlah keseluruhan sekolah tersebut sebanyak 14 buah.

Jadual 17: Jumlah program mengikut institusi sepanjang tahun 2013

NAMA INSTITUSI	JUMLAH PROGRAM
Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) - 14 buah SKK	6 program
Politeknik – 3 (PSMZA, POLISAS, Politeknik Muadzam)	1 program
Kolej Matrikulasi Pahang	3 program
Kolej Matrikulasi Teknikal Pahang	1 program

HARI KOKURIKULUM UMP 2013

Hari Kokurikulum UMP 2013 julung kalinya diadakan pada 15 September 2013 bertempat di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang. Program anjuran Pusat Kokurikulum UMP ini diisi dengan pelbagai pengisian seperti Malam Kesenian, Pameran Badan Pelajar dan Beruniform, Pertandingan Futsal, Bola Jaring, Permainan Tradisional dan *Battle of the Band*.

Seramai lapan orang pelajar UMP telah menerima Hadiah Sanjungan berdasarkan lapan teras yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Keusahawanan, Kepimpinan, Pengucapan Awam, Daya Usaha & Inovasi, Kesukarelawan, Khidmat Komuniti, Sukan & Rekreasi, Kebudayaan semasa majlis penutup Hari Kokurikulum UMP 2013 tersebut.

Saudara Azwan Affandi bin Md Jahaya dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) telah menerima Hadiah Sanjungan Keusahawanan. Sifat keusahawanan beliau begitu terserlah kerana memiliki kedai komputer (Azwan Dot Com) di Kolej Kediaman 1 yang turut mempunyai cawangan di Kolej Komuniti dan UMP Pekan. Selain itu, beliau juga aktif dalam aktiviti keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain beliau turut menerima hadiah adalah saudara Abdul Hakeem bin Abdul Hamed dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) yang dinobatkan sebagai penerima Hadiah Sanjungan Kesukarelawan, saudari Nurainatul Fatimah binti Burhanuddin dari Fakulti Teknologi (FTek) bagi Hadiah Sanjungan Kebudayaan dan Muhammad Farhan bin Adnan, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) bagi Hadiah Sanjungan Kepimpinan. Manakala pelajar Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) yang aktif berdebat, Muhammad Qusyairi bin Hashim menerima Hadiah Sanjungan Pengucapan Awam. Pemenang pingat emas Karate-Do di India pada tahun 2012, Maniyarasan A/L Sabapathy (Fakulti Kejuruteraan Pembuatan) menerima Hadiah Sanjungan Sukan & Rekreasi. Penerima lain adalah Mohd Jamil bin Ja'afar dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) yang menerima Hadiah Sanjungan Khidmat Komuniti dan Muhammad Iqram bin Zulkifli dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) yang menerima Hadiah Sanjungan Daya Usaha dan Inovasi.

Semua penerima anugerah membawa pulang wang tunai RM300 dan sijil penghargaan. Buat julung kalinya juga Pusat Kokurikulum turut memperkenalkan beberapa anugerah khas iaitu Anugerah Penasihat Terbaik yang diberikan kepada Wan Nazrul Helmy bin Wan Mohd Zain (Kelab In-Smartive), Kelab Terbaik (Kelab In-Smartive), Anugerah Sanjungan Pengarah Kokurikulum (Kelab ORATOR) dan Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor HEPA yang diberikan kepada pendaki Gunung Everest dari UMP iaitu Myrza Fasha bin Md Hamyudin (Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik).

Hadiah telah disampaikan oleh Prof. Dato' Dr. Yuserrie bin Zainuddin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & ALumni (HEPA) yang mewakili Naib Canselor.



PENYELIDIKAN DAN INOVASI



PENYELIDIKAN DAN INOVASI

GERAN PENYELIDIKAN


Tahun 2013 adalah tahun yang membanggakan bagi penyelidikan di UMP. Ini kerana beberapa kejayaan cemerlang dan peningkatan jumlah geran telah dicatatkan selaras dengan kehendak dan tuntutan universiti iaitu memartabatkan dan memperkasakan bidang penyelidikan di UMP. UMP mengekalkan kecemerlangan ini dengan mendapatkan geran-geran penyelidikan yang ditawarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi seperti FRGS, ERGS, PRGS dan Sciencefund. Para penyelidik di UMP juga turut proaktif dalam mendapatkan geran-geran penyelidikan yang baharu seperti JAKIM, Majlis Professor Negara, NRGs (Kemeterian Pertanian dan Industri Asas Tani), Bahagian Perancang Negeri Pahang dan COE Swiftlet.

Tahun 2013 turut melakar sejarah manis apabila dua orang penyelidik UMP iaitu Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak dari Pusat Pengurusan Penyelidikan & Sumber Alam (CERRM) dan Dr. Saiful Nizam bin Tajuddin dari Fakulti Sains & Teknologi Industri berjaya mendapatkan geran antarabangsa, masing masing dari University of Soeul, Korea dan *US Civilian Research & Development Foundation Global (CRDF Global)*.

Jadual 18: Perbandingan jumlah geran tahun 2012 dan 2013

FAKULTI	2012	2013
Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC)	8	22
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir (CARIFF)	2	3
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	12	15
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	37	35
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	43	36
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	25	28
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	14	19
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	17	36
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	42	30
Fakulti Teknologi (FT)	14	18
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)	20	12
Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM)	0	1
JUMLAH KESELURUHAN	234	255

Carta 13: Perbandingan jumlah geran bagi tahun 2012 dan 2013



PAMERAN PENYELIDIKAN & INOVASI


Sepanjang tahun 2013, UMP telah menghantar 76 projek penyelidikan untuk dipertandingkan di pameran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Objektif utama penyertaan ini adalah untuk mempromosikan produk penyelidikan UMP kepada masyarakat umum dan memberi peluang kepada penyelidik untuk bertemu dengan pelbagai pihak dalam usaha untuk mempromosikan produk mereka.

Dengan penyertaan ke pameran yang disertai oleh UMP pada tahun ini, penyelidik UMP telah berjaya memperoleh 73 pingat dan tujuh Anugerah Khas.

Jadual 19: Anugerah yang dimenangi mengikut fakulti sepanjang tahun 2013

FAKULTI	EMAS	PERAK	GANGSA	ANUGERAH KHAS
FKKSA	15	9	4	3
FKM	0	1	1	0
FKEE	2	0	1	0
FKASA	0	3	0	0
FSTI	12	7	3	2
FSKPP	4	2	1	2
FT	2	1	0	0
FKP	1	0	1	0
PBMSK	0	2	1	0
JUMLAH KESELURUHAN	36	25	12	7

Carta 14: Pecahan anugerah yang dimenangi mengikut fakulti sepanjang tahun 2013



ANUGERAH CENDEKIA BITARA

Anugerah Cendekia Bitara adalah anugerah yang diberikan kepada warga UMP di atas pengiktirafan, penghargaan dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang / kategori iaitu Kategori Tokoh, Penerbitan Jurnal, Penerbitan Buku, Produk Penyelidikan, Kreativiti dan Kualiti yang telah mengharumkan nama UMP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Anugerah Cendekia Bitara 2012 yang diadakan pada 19 April 2013 yang lalu telah menunjukkan peningkatan ketara bagi penerima anugerah berbanding tahun-tahun sebelumnya khususnya pada Kategori Penerbitan Jurnal. Untuk kategori tersebut sebanyak 34 jurnal menerima Anugerah Cendekia Bitara dan 73 lagi diberikan Hadiah Sanjungan berbanding tahun sebelumnya iaitu 20 jurnal diberikan Anugerah Cendekia Bitara manakala 52 lagi diberikan Hadiah Sanjungan.

Pencapaian ini menunjukkan bahawa warga UMP mampu untuk menghasilkan dan menerbitkan hasil penulisan dalam jurnal yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Jadual 20: Statistik penerima Anugerah Cendekia Bitara dan Hadiah Sanjungan

KATEGORI	CENDEKIA	SANJUNGAN
Tokoh	0	0
Penerbitan Buku	0	0
Penerbitan Jurnal	34	73
Produk Penyelidikan	7	20
Kreativiti	0	1
Kualiti	0	0
Jumlah	41	94
JUMLAH KESELURUHAN	135	

PROJEK PRAPENGGOMERSIALAN DAN PENGGOMERSIALAN

Setiap tahun, Pejabat Pemanduan Teknologi (TTO) akan diberikan peruntukan untuk membantu dan menjayakan Projek-projek PraPenggomersialan UMP melalui Geran Pra Pengkomersialan. Pada tahun 2013, TTO telah menerima peruntukan daripada universiti sebanyak RM 150,000 untuk diberikan kepada projek-projek R&D UMP yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Berikut adalah senarai projek yang berjaya mendapatkan geran tersebut:

Jadual 21: Senarai projek yang berjaya mendapat geran pada tahun 2013

BIL.	NAMA PROJEK	KETUA PROJEK	NILAI GERAN (RM)
1.	<i>Intelligent Milling Tools for High Productivity in Machining Operation</i>	Dr. Ahmad Razlan bin usoff (FKP)	20,000
2.	<i>Production of Manara Anti Hysteria Kit for Learning Institutions and Student Camp</i>	Dr. Mahyuddin bin Ismail (PBMSK)	25,000
3.	<i>Production of Akinnah Intervention for Marketing Purpose Learning Institutions and Workplace</i>	En. Abdul Kamil bin Jamaludin (PBMSK)	20,000
4.	<i>Malaysian Sign Language (MySL)</i>	Dr. Mazlina binti Abdul Majid (FSKKP)	25,000
5.	<i>DialClean</i>	Prof. Madya Dr. Zularisam bin Ab Wahid (FTek)	60,000

TTO juga telah diberikan mandat untuk menguruskan dana baharu iaitu *UMP Commercialization SeedFund* yang telah diluluskan oleh universiti pada 28 Ogos 2013. Tujuan utama dana ini ialah untuk membantu projek-projek yang bertaraf prapenggomersialan untuk memasuki fasa terakhir iaitu pengkomersialan. Jadual 22 di bawah menunjukkan projek yang telah dianugerahkan dana daripada peruntukan tersebut.

Jadual 22: Pojek yang dianugerahkan dana pada tahun 2013

BIL	NAMA PROJEK	KETUA PROJEK	NILAI GERAN
1.	<i>Spent Catalyst Treatment Facilities</i>	Prof. Dato' Dr. Rosli bin Mohd Yunus (FKKSA)	RM 80,000

Tahun 2013 menyaksikan perkembangan yang positif dan memberangsangkan dalam usaha UMP untuk melahirkan banyak produk yang berpotensi untuk dikomersialkan. Hasil usaha semua pihak, beberapa projek telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk memasuki fasa pengkomersialan dan telah dibantu untuk mendapatkan rakan kerjasama dalam membangunkan dan memasarkan projek-projek tersebut. Jadual di bawah menunjukkan senarai projek dan rakan kerjasama yang telah dikenal pasti.

Jadual 23: Senarai projek dan rakan kerjasama sepanjang tahun 2013

BIL.	NAMA PROJEK	KETUA PROJEK	RAKAN KERJASAMA
1.	<i>Spent Catalyst Treatment Facilities</i>	Prof. Dato' Dr. Rosli bin Mohd Yunus (FKKSA)	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)
2.	<i>DialClean</i>	Prof. Madya Dr. Zularisam bin Ab Wahid (FTek)	KPJ Healthcare Berhad
3.	<i>Pisoptera</i>	En. Abdul Syukor bin Abdul Razak (FKASA)	Johor Corporation
4.	<i>Keratin Protein Derived from Chicken Feather</i>	Prof. Madya Dr. Arun Gupta (FKKSA)	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)
5.	<i>g-Bricks</i>	Prof. Dato' Dr. Rosli bin Mohd Yunus (FKKSA)	Energy Proconsult Sdn. Bhd. (bekerjasama dengan UMPH untuk menubuhkan UMP Innovest Sdn. Bhd.)

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU), MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DAN NON DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) 2013

Beberapa perjanjian telah ditandatangani oleh UMP untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan antara industri dan institusi tempatan serta luar negara. Di bawah adalah senarai perjanjian yang telah ditandatangani:

Jadual 24: Senarai perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 2013

BIL.	INDUSTRI/INSTITUSI YANG TERLIBAT	TARIKH TANDATANGAN	JANGKA MASA	PTJ YANG TERLIBAT	JENIS PERJANJIAN
1.	IBM Malaysia Sdn. Bhd.	13 Mac 2013	2 Tahun	PTMK	MoU
2.	Asia Pacific University of Technology & Innovation Malaysia (APU)	20 Mei 2013	5 tahun	CARIFF	MoU
3.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia antara Kerajaan Malaysia & UMP	22 Mei 2013	6 bulan	PBMSK	MoA
4.	Adin Solutions (M) Sdn. Bhd.	28 Jun 2013	2 Tahun	PTMK	MoU
5.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	25 Julai 2013	5 tahun	FKKSA	MoU
6.	Pertubuhan Biodiversiti Pahang	9 Oktober 2013	5 tahun	FKKSA	NDA
7.	AJ Infinite (M) Sdn. Bhd.	31 Oktober 2013	3 tahun	FIST	NDA
8.	New Advanced Technology (NATECH)	Disember 2013	5 tahun	PBMSK	MoU

HARTA INTELEK YANG TELAH DIDAFTR SEPANJANG TAHUN 2013

Tahun 2013 menyaksikan beberapa harta intelek yang telah didaftarkan dengan pihak Perbadanan Harta Intelek (MYIPO). Selain itu, terdapat juga beberapa hak cipta yang telah dilindungi oleh Jabatan Penyelidikan dan Inovasi UMP. Kategori harta intelek yang baharu juga turut berjaya didaftarkan iaitu *Utility Innovation* dan beberapa lagi Paten yang telah mendapat geran dari MYIPO dan USPTO. Berikut adalah pencapaian harta intelek sepanjang 2013:

Jadual 25: Pencapaian harat intelek sepanjang tahun 2013

JENIS HARTA INTELEK	JUMLAH
Paten yang difailkan di Malaysia	30
Paten yang difailkan di luar negara	0
Paten yang mendapat Geran	3
Hak Cipta	9
Cap Dagangan yang difailkan	2
Reka Bentuk Industri	0
<i>Utility Innovation</i>	2

PENERBIT UMP

Penerbit UMP telah berjaya menerbitkan sebanyak 38 penerbitan sepanjang tahun 2013. Penerbitan tersebut merangkumi penerbitan karya asli, jurnal, monograf, syarahan umum dan modul/manual/buku teks. Jadual 26 di bawah adalah penerbitan mengikut fakulti dan kategori.

Jadual 26: Penerbitan mengikut fakulti bagi terbitan 2013

BIL.	FAKULTI	BILANGAN TERBITAN
1.	PBMSK	6
2.	FKASA	1
3.	FKEE	0
4.	FKM	3
5.	FKKSA	2
6.	FIST	7
7.	FTek	16
8.	FKP	1
9.	FSKPP	0
10.	Lain-lain	2
JUMLAH KESELURUHAN		38


PENERBITAN MENGIKUT KATEGORI

Penerbit UMP telah berjaya menerbitkan sebanyak 38 penerbitan sepanjang tahun 2013. Penerbitan tersebut merangkumi penerbitan karya asli, jurnal, monograf, syarahan umum dan modul/manual/buku teks. Jadual 27 di bawah adalah penerbitan mengikut kategori.

Jadual 27: Penerbitan mengikut kategori sepanjang tahun 2013

KATEGORI				JUMLAH
BUKU	MODUL/ BUKU TEKS/ MANUAL	MONOGRAF	JURNAL	
3	25	6	4	38

Carta 15: Peratusan penerbitan mengikut kategori sepanjang tahun 2013



PENDAPATAN PENERBIT 2013

Penerbit UMP telah menyumbang pendapatan kepada universiti melalui jualan buku dan inisiatif pembangunan e-Book Penerbit UMP yang telah dilancarkan pada November 2012. Terbukti e-Book terus menyumbang pendapatan yang lumayan kepada universiti semenjak ia mula diperkenalkan.

Jadual 28: Senarai pendapatan penerbit UMP sepanjang tahun 2013

BIL.	BULAN	JUALAN BUKU (RM)	JUALAN E-BOOK (RM)	PENDAPATAN (RM)
1.	Januari	2,433.30	-	2,433.30
2.	Februari	10,243.60	-	10,243.60
3.	Mac	5,415.80	-	5,405.80
4.	April	24,860.25	-	24,860.25
5.	Mei	16,303.25	-	16,303.25
6.	Jun	3,383.40	-	3,383.40
7.	Julai	1,405.50	17,250.00	18,655.50
8.	Ogos	1,842.40	-	1,842.40
9.	September	73,975.60	48,650.00	122,625.60
10.	Oktober	4,388.70	-	4,388.70
11.	November	1,412.80	-	1,412.80
12.	Disember	15,710.60	320.00	16,030.60
JUMLAH KESELURUHAN		161,375.20	66,220.00	227,595.20

Carta 16: Pecahan pendapatan Penerbit UMP pada tahun 2013.



PENGIKTIRAFAN

Pada tahun 2013 ini, Penerbit UMP dianugerahkan dengan Buku Umum Terbaik Kategori Pentadbiran di Anugerah Industri Buku melalui penerbitan karya asli yang tulis oleh YH Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Ibrahim berjudul Universiti: Watak, Budaya & Citra.



BAHAGIAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Sepanjang tahun 2013, Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) telah berjaya melakarkan beberapa kejayaan terutamanya di dalam mendapatkan geran Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Program- KTP*) serta geran Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability*). Selain itu, kejayaan mendapatkan sumbangan dari industri dan badan korporat juga menjadi pemangkin untuk pihak BJIM terus bergerak dan berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih baik di tahun akan datang.

PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (*KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM - KTP*)

Pada tahun 2013, sebanyak 19 permohonan bagi geran KTP telah dikemukakan oleh akademia UMP yang mana ia melalui fasa pemantauan dan saringan ketat daripada pihak BJIM.

10 permohonan telah berjaya meyakinkan Panel Penilai di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dengan jumlah geran yang diterima mencapai RM1,488,391.00. Berikut merupakan maklumat mengenai projek-projek yang telah berjaya menerima geran KTP pada tahun 2013:

KATEGORI: FLAGSHIP KOMUNITI

Jadual 29: Bilangan projek sepanjang tahun 2013

BIL.	TAJUK PROJEK	KETUA PROJEK DAN FAKULTI	RAKAN KERJASAMA	GERAN DITERIMA (RM)
1.	Program Pemindahan Ilmu & Kaedah Pembuktian Jenayah Sihir Untuk Penggubal, Pendakwa Raya & Penguatkuasa Undang-undang Malaysia	Dr. Mahyuddin bin Ismail -PBMSK	JAKIM	186,755
2.	Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Format Ghani (Copyright) Dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar SPM	Prof. Madya Dr. Mohd Ghani bin Awang - FTek	SK/SMK Lepar Hilir, SK/SMK Shahbandar	170,150

KATEGORI :KOMUNITI

Jadual 30: Bilangan projek sepanjang tahun 2013

BIL.	TAJUK PROJEK	KETUA PROJEK DAN FAKULTI	RAKAN KERJASAMA	GERAN DITERIMA (RM)
1.	Kursus Pemulihan Penagihan Dadah Kaedah Biofeedback Untuk Kaunselor & Pelajar Sekolah Menengah	Prof. Madya Dr. Muhammad Nubli bin Abd. Wahab -PBMSK	Pejabat Pendidikan Maran	131,100
2.	Program Peningkatan Pengetahuan Teknik Pedagogi ke Arah Mentransformasi Pengajaran & Pembelajaran di Sekolah Rendah Ibnu Abbas	Dr. Mohd Ruslim bin Mohamed- FKEE	SR Islam Ibnu Abbas (SeRIA)	57,913
3.	<i>Underground Water Treatment System for Domestic & Agriculture Uses</i>	Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Ishak - FIST/CERRM	Haluan Malaysia	157,338

KATEGORI : FLAGSHIP INDUSTRI

Jadual 31: Bilangan projek sepanjang tahun 2013


BIL.	TAJUK PROJEK	KETUA PROJEK DAN FAKULTI	RAKAN KERJASAMA	JUMLAH GERAN DITERIMA (RM)
1.	<i>Green Technology Application of Membrane Bioreactor for Sustainable Treatment & Reclamation of Dye Coloured Tenun Pahang Waste</i>	Prof. Madya Dr. Zularisam bin Abd. Wahid - FKASA	Realistic Attraction Sdn. Bhd.	166,563
2.	<i>Production & Application of High Quality Natural Dye in Tenun Pahang Fabric Manufacturing Industry</i>	Prof. Madya Dr. Mimi binti Sakinah Abd. Munaim -FKKSA	Realistic Attraction Sdn. Bhd.	172,275
3.	<i>Transfer of Ultrasound Assisted Extraction (UAE) Knowledge for the Production of Value Added Products from Local Herbs of Tongkat Ali, Kacip Fatimah & Mas Cotek for Cosmeceutical & Nutraceutical Application</i>	Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman - FKKSA	TPM Biotech Sdn. Bhd.	150,147

KATEGORI: INDUSTRI

Jadual 32: Bilangan projek sepanjang tahun 2013

BIL.	TAJUK PROJEK	KETUA PROJEK DAN FAKULTI	RAKAN KERJASAMA	JUMLAH GERAN DITERIMA (RM)
1.	Innovasi Dalam Bentuk Peralatan & Susunan Kerja yang Teratur Dalam Industri Memproses Keropok Ikan	Dr. Mohd Zaidi bin Sidek - FKM	Ali Food Product Industries	186,755
2.	Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Format Ghani (<i>Copyright</i>) Dalam Meningkatkan Pencapaian Akademik Pelajar SPM	Prof. Madya Dr. Mohd Ghani bin Awang - FTek	SK/SMK Lepar Hilir, SK/SMK Shahbandar	145,550
JUMLAH KESELURUHAN				1,488,391

Carta 17: Pecahan kelulusan geran KTP mengikut kategori pada tahun 2013





PROGRAM KEBOLEHPASARAN GRADUAN (GE)

Kejayaan universiti mencapai 78% pelajar mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduat adalah melebihi sasaran yang diletakkan oleh pihak kementerian iaitu 75%. Di antara penyumbang kepada kejayaan ini adalah pelaksanaan beberapa Program Kebolehpasaran Graduan yang dijalankan oleh pihak universiti melalui geran program GE yang telah diterima dari KPT. Berikut adalah senarai program-program yang telah mendapat kelulusan dan dianugerahkan geran GE oleh kementerian:

Jadual 33: Senarai-senarai program yang diluluskan pada tahun 2013

BIL	SENARAI PROGRAM YANG DILULUSKAN	KETUA PROJEK DAN FAKULTI	JUMLAH PELAJAR TERLIBAT	JUMLAH PERUNTUKA DITERIMA (RM)
1.	Program Persijilan (Mis-Boset,LPS & Presentation Skills)	En. Shahril - FKKASA	50	232,00000
2.	Program CIDB Green Card	Puan Azhani Zukri - FKASA	3,000	25,500
3.	Biotechnology Entrepreneurship Special Training (BeST) Programme BioBusiness	Dr. Norazwina -FKKASA	70	110,600
4.	Penyediaan dan Pembangunan Sisitem Pembangunan Kendiri Aptitud Pelajar dan Graduan Program ICT Secara atas Talian	PM Dr. Ruzaini - FSKKP	1,000	412,000
5.	Graduate Enrichment Program (GEP)	Dr. Fatmawati Latada	40	281,000
JUMLAH KESELURUHAN			4160	1,061,100

Carta 18: Peratusan program yang diluluskan sepanjang tahun 2013



AKADEMIA INDUSTRI

Di sepanjang tahun 2013, beberapa siri lawatan ke hampir 40 industri dan badan berkanun telah diadakan oleh pihak BJIM. Lawatan dan perbincangan diadakan untuk meneroka bidang kerjasama yang boleh ditawarkan oleh kedua-dua pihak sama ada dalam bentuk perkongsian penyelidikan atau sangkutan staf dan penempatan latihan industri bagi pelajar UMP.

Selain dari kerjasama yang disebut di atas pihak BJIM juga turut meneroka kemungkinan mendapat penajaan dari industri-industri dan badan berkanun yang dilawati. Hasilnya beberapa syarikat telah bersetuju untuk menaja pelajar UMP serta memberi sumbangan di dalam bentuk peralatan dan perisian komputer yang mencecah RM 3,000,000.

Untuk mengeratkan lagi kerjasama serta hubungan bersama pihak industri, BJIM telah mengadakan dua siri Persidangan Meja Bulat CEO iaitu pada bulan Mac dan Mei. Persidangan ini diadakan untuk mengenal pasti kehendak industri yang perlu dipenuhi oleh graduan universiti dalam usaha menempatkan diri dalam bidang pekerjaan. Persidangan tersebut yang telah dihadiri oleh lebih dari 20 syarikat dari pelbagai industri dan telah berjaya membuka mata kedua pihak akan kekurangan dan penambahbaikan yang perlu diadakan untuk mengatasi masalah graduan yang tidak memenuhi syarat industri.

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Budaya pembelajaran sepanjang hayat yang berkembang pesat adalah seiring dengan keperluan individu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri melalui penawaran kursus jangka pendek, program eksekutif, separuh masa dan jarak jauh. Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) sebagai pusat yang ditubuhkan untuk menawarkan program latihan, latihan semula, pengajian berterusan kepada pihak industri, swasta, kumpulan profesional dan masyarakat telah mengambil inisiatif untuk turut sama terlibat di dalam menyediakan pembelajaran yang berkualiti dan fleksibel yang menjurus kepada pelaksanaan program pengajian berterusan dan program pembangunan profesional.

Keistimewaan program latihan yang ditawarkan oleh CENFED adalah melalui pakej kemudahan dan latihan yang kondusif, program latihan yang diiktiraf dan bantuan daripada pihak pembiayaan yang berterusan. Kerjasama dengan Badan Pengiktirafan/Pembiayaan juga terlibat sebagai agen perubahan penting untuk peruntukan latihan dan pengiktirafan kursus yang diiktiraf dengan menggunakan kepakaran dan kemudahan yang disediakan oleh pihak CENFED. Antara Badan Pengiktirafan/Pembiayaan bagi CENFED adalah:

- Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)
- SME Corp Malaysia (SME Corp)
- Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Dalam menyediakan program latihan yang memenuhi keperluan pelanggan secara konsisten, CENFED juga telah mengambil langkah untuk menggunakan sistem pengurusan kualiti MS 9001:2008 (Latihan Luaran) bagi memastikan setiap

program latihan yang dijalankan memenuhi objektif kualiti yang ditetapkan.

CENFED melalui pentauliahan pihak Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan program kompetensi persijilan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHO) dan hampir 1,219 peserta telah mengikuti program latihan bersama CENFED dengan bilangan sebanyak 56 siri program. Kebanyakan peserta adalah terdiri dalam kalangan pekerja industri besar dan perusahaan kecil dan sederhana sekitar Pahang dan Pantai Timur. Selain itu juga, CENFED juga turut bekerjasama dengan Pusat Latihan Usahawan MARA bagi pelaksanaan program *Herbal Extraction and Processing Techniques* bagi membantu usahawan herba Pahang meningkatkan pengetahuan mengenai pengekstrakan dan teknik pemprosesan herba tempatan. CENFED juga menawarkan program Peningkatan Kemahiran PKS melalui pembiayaan oleh pihak SME Corp dan seramai 168 orang pekerja perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah dilatih melalui program tersebut bagi tahun 2013.

Pihak CENFED juga telah mengorak langkah apabila telah dilantik oleh pihak Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JKKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melatih pelajar tahun akhir Kolej Komuniti seluruh negara untuk mengikuti latihan Program Kebolehpasaran Graduan. Melalui program ini, pelajar akan dilatih mengikut spesifikasi dan keperluan industri oleh pihak penyedia latihan serta dibantu oleh CENFED dan akan ditempatkan di industri terpilih sebagai pekerja yang berkemahiran. Program CENFED yang lain dengan KPM adalah bersama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) bagi melaksanakan Bengkel Kepimpinan Inovatif dan Transformasi Pensyarah Muda 2013 bagi zon Pantai Timur serta Bengkel Latihan Panel Penilaian Dana Penyelidikan KPM.

CENFED juga menawarkan program pengajian berterusan di mana terdapat sembilan program Diploma Eksekutif, dua program Sarjana Eksekutif dan tiga program ijazah dan diploma separuh masa yang memberi penekanan dalam melahirkan pekerja berpotensi dan berkemahiran dalam bidang masing-masing. Program Diploma Eksekutif memberi tumpuan kepada industri Pengurusan Projek & Teknologi, Pengurusan Kejuruteraan Industri, Minyak dan Gas, Pentadbiran Perniagaan, Pengurusan Perladangan, Mekatronik Industri dan Kejuruteraan Industri. Bagi program pengajian berterusan, pelajar perlu mengikuti tempoh pengajian dalam tempoh masa antara satu tahun hingga empat tahun. Program pengajian berterusan ini dirangka kepada pekerja bagi peningkatan kerjaya dan seramai 910 orang peserta telah mengikuti program pengajian berterusan bagi tahun 2013.

PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN ECERDC-UMP

Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) telah melantik pihak UMP melalui CENFED sebagai salah sebuah Pusat Kecemerlangan (CoE) bagi Program Pembangunan Sosial ECERDC. ECERDC berperanan sebagai penyumbang dana manakala UMP melalui CENFED akan bertindak sebagai pelaksana yang bertanggungjawab menjalankan program latihan dan program ini dikenali sebagai Empower ECER Mahkota 2013. Program ini merupakan satu program pembangunan sosial yang bertujuan meningkatkan kecemerlangan akademik anak-anak peserta Projek Agropolitan Pekan merangkumi kawasan Lepar, Runchang dan Tanjung Batu dan daerah Pekan. Bagi program peningkatan latihan kemahiran dan keusahawanan pula, objektif program adalah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah di samping menggalakkan budaya keusahawanan dalam kalangan belia, ibu tunggal dan individu yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Impak daripada pelaksanaan program latihan akademik adalah seramai 1,781 pelajar peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah dilatih manakala seramai 100 orang telah menyertai program latihan kemahiran dan keusahawanan. Program latihan akademik dilaksanakan bermula dari Februari hingga Oktober 2013 melibatkan modul pengajaran & pembelajaran, pengayaan akademik dan program motivasi. Bagi program peningkatan latihan kemahiran dan keusahawanan pula, program latihan terbahagi

kepada latihan penyelenggaraan enjin bot sangkut, latihan penyelenggaraan automotif, latihan masakan 1Malaysia dan latihan membaiki telefon bimbit.

Jadual 34: Program yang dilaksanakan oleh CENFED sepanjang tahun 2013

BIL.	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1.	Program Pembangunan Profesional	1,503
2.	Program Pengajian Berterusan	910
3.	Program Empower ECER	1,881
JUMLAH KESELURUHAN		4,294

Jadual 35: Program Eksekutif Pengajian Berterusan 2013


BIL.	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1.	Diploma Eksekutif Pengurusan Perladangan & Teknologi	227
2.	Diploma Eksekutif Pengurusan Perniagaan & Keusahawanan	106
3.	Diploma Eksekutif Pengurusan Kejuruteraan Industri	164
4.	Diploma Eksekutif Pengurusan Teknologi Industri	47
5.	Diploma Eksekutif Pengurusan Projek	63
6.	Diploma Eksekutif Pentadbiran Perniagaan	66
7.	Diploma Eksekutif Pengurusan Pentadbiran	79
8.	Diploma Eksekutif Teknologi Mekatronik Industri	19
9.	Diploma Eksekutif Teknologi Petroleum & Gas	18
10.	Master Eksekutif Pengurusan Projek	18
11.	Master Eksekutif Pengurusan Perniagaan	47
JUMLAH KESELURUHAN		854

Jadual 36: Program Separuh Masa Pengajian Berterusan 2013


BIL.	PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1.	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Separuh Masa)	19
2.	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) (Separuh Masa)	29
3.	Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer dan Rangkaian) (Separuh Masa)	8
JUMLAH KESELURUHAN		56



Carta 19: Pergerakan bilangan peserta yang menyertai program yang dianjurkan oleh CENFED dari tahun 2004 hingga tahun 2013



Carta 20: Pendapatan yang diperoleh sepanjang penubuhan CENFED sehingga tahun 2013



PENGANTARABANGSAAN



PENGANTARABANGSAAN

JARINGAN KOLABORASI

Tahun 2013 secara positif memaknakan kehadiran UMP di persada antarabangsa melalui penerokaan pasaran baharu di Turki dan Amerika Syarikat. Kejayaan cemerlang UMP membina hubungan diplomatik bersama pihak Kerajaan Turki melalui usaha sama bersama pihak Malaysian Turkish Development Society (MTDS) di Malaysia telah memberikan impak yang positif ke arah penjalinan rangkaian kerjasama strategik bersama pelbagai universiti terkemuka di Turki seterusnya membuka peluang pelajar dan staf UMP turut serta dalam Program Biasiswa Kerajaan Turki (*Mevlana Exchange Protocol*). Penerokaan pasaran baharu di Amerika Syarikat turut memberikan kepelbagaian peluang kepada UMP seterusnya menzahirkan kejayaan UMP di peringkat antarabangsa.

Jaringan kolaborasi antarabangsa antara UMP dan rakan kerjasama strategik luar negara terus dipergiat secara agresif pada tahun 2013 melalui peningkatan bilangan rakan kerjasama luar negara melalui aktiviti penandatangan Memorandum Persefahaman (MoU). Melalui kerjasama ini juga menyumbang ke arah pelaksanaan agenda pengantarabangsaan universiti melalui aktiviti seperti Program Pertukaran Pelajar Inbound dan Outbound, Program Sangkutan Staf, Penyelidikan Bersama, Lantikan Profesor Tamu, Penganjuran Persidangan Antarabangsa, Penerbitan Jurnal dan sebagainya.


Jadual 37: Senarai MoU yang telah ditandatangani pada Tahun 2013

BIL.	NAMA INSTITUSI	TARIKH MOU	TEMPOH
1.	Hebei University of Science & Technology, China	22 Januari 2013	5 Tahun
2.	Hochschule Reutlingen-Reutlingen University, Germany	21 Februari 2013	5 tahun
3.	Institut Teknologi Bandung, Indonesia	9 Mac 2013	5 tahun
4.	Suleyman Sah University, Turkey	14 Mei 2013	5 tahun
5.	Selcuk University, Turkey	14 Mei 2013	5 tahun
6.	Karabuk University, Turkey	14 Mei 2013	5 tahun
7.	Sakarya University, Turkey	14 Mei 2013	5 tahun
8.	Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia	27 Jun 2013	5 tahun
9.	The Curators of the University of Missouri of Science & Technology, USA	20 September 2013	5 tahun
10.	Dalian University of Technology, China	25 September 2013	2 tahun
11.	Hanbat National University, South Korea	25 September 2013	2 tahun
12.	Iwate University, Japan	25 September 2013	2 tahun
13.	Benevolent Fund of Outstanding Students, Saudi Arabia	22 November 2013	5 tahun


PELAJAR ANTARABANGSA

Peningkatan bilangan pelajar antarabangsa di dalam kampus turut memberikan impak yang positif kepada hasrat universiti dalam melaksanakan agenda pengantarabangsaan negara. Dengan hadirnya kepelbagaian budaya, secara positifnya menyumbang kepada pembangunan persekitaran antarabangsa di kampus. Pelajar tempatan berpeluang menimba pengalaman melalui aktiviti pembelajaran bersama dengan pelajar antarabangsa selain didedahkan kepada proses asimilasi budaya. Seramai 273 orang pelajar antarabangsa dari 24 buah negara telah mengikut pengajian di UMP sepanjang tahun 2013. Pecahan bilangan pelajar adalah seperti di Carta 21 di bawah ini:

Carta 21: Statistik pelajar antarabangsa mengikut program pengajian



Carta 22 : Statistik pelajar antarabangsa mengikut program negara



PROGRAM MOBILITI PELAJAR

Persekitaran antarabangsa juga dapat diwujudkan melalui penyertaan pelajar luar negara yang mengikut Program Jangka Pendek di UMP sama ada melalui Program Sangkutan Penyelidikan, Program Pertukaran Pelajar (*Inbound*), Program Mobiliti dan sebagainya. Tahun 2013 menyaksikan peningkatan jumlah bilangan pelajar antarabangsa menyertai Program Mobiliti di UMP.

Jadual 38: Bilangan pelajar antarabangsa menyertai Program Mobiliti Inbound berkredit di UMP

BIL.	PROGRAM	UNIVERSITI INDUK	BIL. PELAJAR	TEMPOH
1.	Program Bahasa Melayu for International Students (BMfIS)	Northern Illinois University (NIU)	6 orang	Jun hingga Julai 2013 (6 minggu)
2.	Program Sangkutan Penyelidikan	University Khartoum, Sudan	1 orang	April hingga Jun 2013
3.	Program Pertukaran Pelajar	Universitas Teknologi Yogyakarta, Indonesia	5 orang	2 September 2013 hingga 17 Januari 2014
4.	Program Pertukaran Pelajar	Hochshule Karlsruhe Applied Science University (HsKA), Germany	2 orang	
5.	Program Sangkutan Penyelidikan	University Baghdad, Iraq	2 orang	September hingga Oktober 2013

Jadual 39: Bilangan pelajar antarabangsa menyertai Program Mobiliti Inbound tidak berkredit di UMP

BIL.	PROGRAM	UNIVERSITI INDUK	BIL. PELAJAR	TEMPOH
1.	Program Mobiliti Pelajar	Universitas Teknologi Yogyakarta	4 orang	1 hingga 30 Mac 2013
2.	Program Pertukaran Budaya	Universitas Maritim Raja Ali Haji, Indonesia	39 orang	1 hingga 5 Jun 2013

Selain persekitaran antarabangsa di dalam kampus, para pelajar tempatan UMP turut berpeluang memperoleh pengalaman global secara langsung melalui penyertaan program mobiliti (*outbound*) ke luar negara. Terdapat dua kategori program mobiliti ke luar negara iaitu Program Mobiliti Berkredit melalui Program Pertukaran Pelajar dan Program Mobiliti tidak Berkredit seperti aktiviti Lawatan Akademik, Program Penyelidikan dan sebagainya.

Jadual 40: Senarai program mobiliti pelajar ke luar negara berkredit (program pertukaran pelajar)

BIL.	PROGRAM	BIL. PELAJAR	TEMPOH
1.	Program Pertukaran Pelajar ke Hebei University of Science & Technology, Shijiazhuang di negara China	16 orang	30 Jun hingga 16 Julai 2013
2.	Program Pertukaran Pelajar (FKP) di Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia	2 orang	3 September 2013 hingga 17 Januari 2014

Program Mobiliti seperti ini berkeupayaan memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar di samping memperkasakan personaliti dan jati diri pelajar berikutan kebolehpayaan *survival* di luar negara. Transformasi positif personaliti yang diperoleh membantu meningkatkan kredibiliti kebolehpasaran graduan pelajar.

Jadual 41: Senarai program mobiliti pelajar ke luar negara tidak berkredit

BIL.	PROGRAM	BIL. PELAJAR	TEMPOH
1.	Program Antarabangsa Pelajar: Perkongsian Akademik & Sosiobudaya di Thailand (Siri 2)	91 orang	21 hingga 27 Mac 2013
2.	Projek Titik Sentuhan @ Yogyakarta	23 orang	30 Jun hingga 5 Julai 2013
3.	Misi kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang di Kemboja	21 orang	19 hingga 24 Ogos 2013
4.	Program <i>Around the World: The Secret Revealed: South Korea's Advanced Internet Technology</i>	10 orang	8 hingga 20 September 2013
5.	Program <i>Voluntaries Outreach to Vietnam</i>	25 orang	12 hingga 16 Oktober 2013
6.	Program <i>Around the World: Smart Hong Kong</i>	10 orang	30 Oktober hingga 6 November 2013
7.	Program <i>Around the World: Footsteps Towards Humanity in Vietnam</i>	12 orang	5 hingga 12 November 2013
8.	Program Kembara Ilmu Surabaya	12 orang	12 hingga 16 Dis 2013

Contoh terbaik melalui penganjuran saban tahun *Program Mobiliti Pelajar Around the World* yang menumpukan aspek pelaksanaan projek berbentuk *assignment* di luar negara yang sepenuhnya dirancang oleh pelajar (*Student Centered*) Program tersebut telah berjaya membentuk personaliti baharu dalam diri setiap peserta. Program tersebut secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada diri pelajar dalam aspek pengurusan projek, masa, keupayaan kepimpinan, semangat berkumpulan dan sekaligus meningkatkan tahap kompetensi kemahiran insaniah dari segi kekuatan emosi, rohani, *survival spirit*, tahap keyakinan diri dan sebagainya.

Program *Around the World* tersebut turut telah diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai salah satu Amalam Terbaik (*Best Practice IPTA*) bagi tahun 2010 dan 2012 di bawah Caps Pengantarabangsaan, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan di bawah KPI Program Mobiliti Pelajar.

AKTIVITI SOKONGAN BUKAN AKADEMIK – PELAJAR ANTARABANGSA

Penganjuran aktiviti bukan akademik kepada pelajar antarabangsa memberikan nilai tambah kepada pengalaman pelajar antarabangsa sepanjang pengajian mereka di Malaysia, khususnya di UMP. Para pelajar berpeluang menimba pengalaman baharu melalui pendedahan kepada budaya dan adat resam masyarakat Malaysia di samping berpeluang mengenali lokasi bersejarah dan menarik di Malaysia. Aktiviti seperti ini turut menggalakkan penglibatan pelajar antarabangsa UMP bersama komuniti tempatan dalaman UMP mahupun luaran.

Jadual 42 : Aktiviti pelajar antarabangsa sepanjang tahun 2013

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH
1.	Aktiviti Kemasyarakatan di Sungai Lembing	Mac 2013
2.	Program Sambutan Awal Ramadhan di Kampung Ketapang, Pekan	Julai 2013
3.	Majlis Sambutan Hari Raya bersama Pejabat Antarabangsa (IO) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS)	Ogos 2013
4.	Program Kembara Pahang FM anjuran bersama Pejabat Naib Canselor (PNC) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) di Kampung Budu, Lipis	Ogos 2013
5.	Lawatan Akademik ke Universiti Perguruan Sultan Idris (UPS) dan Cameron Highlands	September 2013
6.	Program <i>Homestay</i> & Khidmat Komuniti anjuran bersama Pejabat Naib Canselor (PNC) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) di Felda Chemomoi	Oktober 2013

BIL.	NAMA PROGRAM	TARIKH
7.	International Night & Exhibition	11 Disember 2013
8.	Misi Sukarelawan Banjir 2013	Disember 2013

PELAWAT LUAR NEGARA

Keutuhan UMP dalam mencapai reputasi dan sanjungan antarabangsa turut dapat diukur melalui kekerapan aktiviti lawatan rakan potensi luar negara ke UMP sama ada bagi tujuan urusan lawatan rasmi, profesor tamu, penandatanganan MoU dan sebagainya. Sehingga akhir tahun 2013, UMP telah menerima sejumlah bilangan pelawat antarabangsa yang berpotensi menjalinkan hubungan kerjasama strategik bersama UMP.

Jadual 43 : Lawatan dari luar negara ke UMP

BIL.	TARIKH	INSTITUSI
1.	21 Februari 2013	Reutlingen University, Germany
2.	27 Februari 2013	University of Cambridge, United Kingdom
3.	28 Februari 2013	University of Queensland, Brisbane, Australia
4.	6 Mac 2013	Hochschule Karlsruhe (HsKA), Germany
5.	18 April 2013	University of Seoul, South Korea
6.	16 April 2013	Universitas Teknologi Yogyakarta , Indonesia
7.	13 hingga 15 Mei 2013	Northern Illinois University (NIU)
8.	14 Mei 2013	Member of Turkish Higher Education Council Executive Board
9.	14 Mei 2013	Suleyman Sah University, Turkey
10.	14 Mei 2013	Sakarya University, Turkey
11.	14 Mei 2013	Karabuk University, Turkey
12.	14 Mei 2013	Selcuk University, Turkey
13.	28 Mei 2013	Universitas Maritim Raja Ali Haji, Indonesia
14.	14 Jun 2013	Universiti Islam Gaza (IUG)
15.	19 Jun 2013	Universiti Teknologi Yogyakarta, Indonesia
14.	1 Julai 2013	Ataturk University, Erzurum, Turkey
15.	3 Julai 2013	University of Nice Sophia Antipolis, France
16.	1 hingga 3 Julai 2013	Bourne Mouth University, United Kingdom
17.	20 hingga 22 Ogos 2013	University of Canberra, Australia
18.	23 Ogos 2013	University of Canterbury, New Zealand
19.	27 hingga 28 Ogos 2013	American University In Cairo, Egypt
20.	28 hingga 29 Ogos 2013	National University of Singapore

PENGURUSAN ILMU



PENGURUSAN ILMU

Berpegang kepada visi “Menjadi pusat ilmu berteraskan teknologi bertaraf dunia”, Perpustakaan UMP terus mengorak langkah ke hadapan dalam memberikan perkhidmatan serta menawarkan prasarana yang terbaik untuk warga universiti. Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab terhadap aktiviti pengembangan ilmu, perpustakaan di kedua kampus Gambang dan Pekan telah memainkan peranan yang relevan terhadap aktiviti pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan universiti.

Seiring dengan pertambahan jumlah fakulti dan pelajar di UMP, jumlah pengguna berdaftar di perpustakaan turut meningkat. Dengan peningkatan sebanyak 2% pada tahun 2013 berbanding tahun 2012, Perpustakaan UMP kini menggalas tanggungjawab yang berat dalam memberi perkhidmatan melebihi tahap kepuasan penggunaannya.

Jadual 44: Jumlah pengguna berdaftar mengikut kategori tahun 2013

KATEGORI KEAHLIAN	BILANGAN
Prasiswazah	9,240
Pascasiswazah	639
Staf Akademik	671
Staf Bukan Akademik	986
Ahli Publik	26
JUMLAH KESELURUHAN	11,562

Sumber :infostation, My_report

PENGEMBANGAN KOLEKSI

Perpustakaan sentiasa berusaha untuk menyediakan koleksi yang komprehensif bagi imenyokong proses pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan universiti. Oleh itu, tumpuan pembangunan koleksi pada tahun 2013 adalah kepada bahan-bahan bercetak. Jumlah peningkatan koleksi dapat dilihat dengan ketara apabila pertambahan sebanyak 11, 453 naskhah di perpustakaan pada tahun 2013 berbanding hanya 8,160 naskhah pada tahun 2012. Selain itu, koleksi Perpustakaan UMP juga merangkumi bahan-bahan seperti *e-Book*, *e-Jurnal* dan langganan pangkalan data komersial dan langganan *e-Newspaper*. Jumlah keseluruhan koleksi Perpustakaan UMP pada 2013 adalah sebanyak 3,072,555 yang meliputi pelbagai format. Kesemua maklumat koleksi Perpustakaan UMP boleh didapati di <http://iportal.ump.edu.my>.

Jadual 45: Koleksi perpustakaan pada tahun 2013


PERKARA	JUMLAH KOLEKSI
Bahan Bercetak	
*Buku	81,068
*Koleksi Khas	394
*Jurnal/Majalah	790
Bahan AV	
*CD/DVD	1,421
*Kit	58
e-Sumber	
*Digital Library	1,137
*e-Book	93,610
*e-Journal	33
*Pangkalan Data	2,894,044
JUMLAH	3,072,555

Sumber : infostation, Ezproxy

KOLEKSI UMP INSTITUTIONAL REPOSITORY (UMPIR)

Sistem UMPIR merupakan sistem yang dibangunkan bagi mengumpul penerbitan warga UMP. Ia merupakan pangkalan data yang memelihara dan menyebarkan maklumat akademik terkini yang terdiri daripada kertas-kertas persidangan staf, artikel jurnal, keratin akhbar mengenai UMP, maklumat tesis, disertasi serta laporan projek sarjana muda mahasiswa-mahasiswi UMP. Sehingga Disember 2013, UMP telah menghasilkan sebanyak 3,668 penerbitan. UMPIR boleh diakses melalui <http://umpir.ump.edu.my>. Maklumat lanjut adalah seperti Carta 23 di bawah.

Carta 23: Jenis dan bilangan penerbitan UMPIR yang disahkan oleh perpustakaan pada tahun 2013



- Thesis
- Article
- Book section
- Conf. or workshop item
- Newspaper

STATISTIK SITASI PENERBITAN UMP

Perpustakaan juga bertanggungjawab untuk mengumpul data sitasi penerbitan dalam *journal impact factor* yang member kesan terhadap nilai hasil penyelidikan penyelidik-penyelidik di UMP. Jadual 4 di bawah memaparkan maklumat yang berkaitan.

Jadual 46: Bilangan data sitasi penerbitan pada tahun 2013


PERKARA	JUMLAH
Bil. Penerbitan dalam <i>citation-indexed journals</i>	306
Bil. Penerbitan dalam <i>non-citation-indexed journals</i>	57
Kumulatif <i>impact factor penerbitan</i>	359.668
Kumulatif sitasi penerbitan	1069

Sumber : MYRA, ISI, SCOPUS

PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

Dengan mengambil beberapa penambahbaikan dilakukan terutama di Perpustakaan UMP Pekan, kunjungan fizikal pengguna telah meningkat hampir 50% berbanding tahun 2012. Capaian pada portal serta OPAC Perpustakaan UMP juga telah diambil kira sebagai kunjungan secara maya oleh pengguna perpustakaan. Carta 24 menunjukkan statistik kunjungan fizikal dan maya ke Perpustakaan UMP.

Carta 24: Statistik pengunjung sepanjang tahun 2013




Sumber : Unit Sirkulasi, Infostation & Portal

Jadual 47: Statistik pengunjung mengikut pecahan lokasi

PERKARA	PERPUSTAKAAN UMP GAMBANG	PERPUSTAKAAN UMP PEKAN
Kunjungan fizikal	173,889	36,508
Kunjungan maya (OPAC)	1,191,790	253,101
Jumlah Keseluruhan kunjungan portal	35,970	
JUMLAH KESELURUHAN	1,691,258	

Sumber : Unit Sirkulasi, Infostation & Portal

Carta 25: Statistik pengunjung mengikut pecahan lokasi




Sumber : Unit Sirkulasi, Infostation & Portal

STATISTIK PINJAMAN BAHAN

Statistik pinjaman bahan mengikut kategori pengguna dapat dilihat melalui Carta 26 di bawah.


Carta 26: Statistik pinjaman mengikut kategori pengguna



PENGGUNAAN PANGKALAN DATA KOMERSIAL

Pengalaman dianugerahkan *Highest Growth Usage Award Malaysia – Medium Category* pada tahun 2011 oleh Elsevier telah memberi impak terhadap penggunaan pangkalan data komersial. Aktiviti promosi serta program *awareness* melalui kelas-kelas kemahiran maklumat telah meningkatkan statistik penggunaan pangkalan data. Ini dapat dilihat melalui Carta 27 seperti yang ditunjukkan di bawah.

Carta 27: Statistik penggunaan pangkalan data komersial (terpilih)



Paten penggunaan pangkalan data yang tinggi ini apabila diterjemahkan kepada nilai kos pengaksesan berbanding perbelanjaan adalah seperti Jadual 48 di bawah.

Jadual 48: Nilai Kos Per Muat Turun Unit Kandungan (Cost Per Content Unit Downloaded)

SUMBER PD	JUMLAH MUAT TURUN	JUMLAH HARGA (RM)	KOS PER MUAT TURUN (RM)
ACM	2,918	22,741.38	7.79
ACS	15,193	16,501.66	1.09
ASME	2,068	18,224.60	8.81
ASCE	2,849	20,765.47	7.29
Ebrary (per judul)	90	24,110.39	267.89
Emerald	17,732	137,956.50	7.78
IEEE	7,872	268,519.00	34.11
SAE	813	23,370.23	28.75
Science Direct	272,607	624,342.77	2.29
Springer	35,346	41,390.80	1.17
Taylor & Francis	7,651	87,636.60	11.45
WSPC	492	18,612.04	37.82

(Nota: kiraan berdasarkan standard BS ISO 11620:2008)

AKTIVITI

Pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang tahun 2013 di kedua perpustakaan Gambang dan Pekan. Antara yang menarik adalah:

Jadual 49: Senarai aktiviti sepanjang tahun 2013

BIL.	AKTIVITI	KETERANGAN	TARIKH
1.	Program Pengurusan Ilmu	<p>Program <i>storytelling</i> oleh Prof. Dato' Dr. Haji Mortaza Mohamed.</p> <p>Seminar "<i>Cash@Campus</i>" (pelajar UMP dan kolej berdekatan)</p> <p>Program Bedah Buku "<i>Why A Students Works for C Students While B Students Works For Government</i>"</p>	<p>18 Februari 2013</p> <p>19 September 2013</p> <p>20 Oktober 2013</p>
2.	Khidmat Komuniti	<p>1. Aktiviti: Memperkasa Literasi Maklumat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pekan • Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan • Sekolah Menengah Kebangsaan Paloh Hinai • Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Besar • Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan • Sekolah Menengah Kebangsaan Panglima Perang • Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS) <p>2. Aktiviti : Selangkah Ke Pusat Sumber menuju ke Perpustakaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Isap Murni • Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Damai • Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar Hilir • Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Isap • Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Panching 	
3.	Sambutan Bulan Membaca	<p>Klinik Kayak (pelajar UMP)</p> <p>xPloreLIB race (pelajar-pelajar UMP)</p> <p>Sahibba (pelajar sekolah rendah)</p> <p>Pameran Teknologi Tenun Pahang DiRaja. Pameran diadakan dengan kerjasama Perbadanan Kraftangan Malaysia (Cawangan Pahang), Pusat Latihan Tenun Pulau Keladi dan Pusat Pengembangan Tenun DiRaja, Sungai Soi.</p> <p>Pameran Buku Akademik</p> <p>Empat pembekal buku telah membuat pameran buku akademik di Perpustakaan Gambang dan Pekan.</p>	<p>16 September 2013</p> <p>17 September 2013</p> <p>19 September 2013</p> <p>9 hingga 27 September 2013</p> <p>18 hingga 20 September 2013</p>
4.	Hari Bertemu	<p>Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan UMP Kampus Pekan</p> <p>Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan UMP Kampus Gambang</p>	<p>19 September 2013</p> <p>20 September 2013</p>
5.	Lawatan	<p>Organisasi/Jabatan:</p> <p>Univesiti Teknologi MARA (UiTM)</p> <p>Open University Malaysia (OUM)</p> <p>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</p> <p>International College of Automotive (ICAM)</p> <p>Kolej Universiti Shahputra, UCSA</p> <p>Univ. of Brawijaya, Indonesia</p> <p>Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS)</p> <p>Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang</p> <p>Rumah Kebajikan ArRayyan Johor</p>	<p>10 Mei 2013</p> <p>16 Ogos 2013</p> <p>18 September 2013</p> <p>19 September 2013</p> <p>19 September 2013</p> <p>19 September 2013</p> <p>25 Oktober 2013</p> <p>6 November 2013</p> <p>26 November 2013</p> <p>23 Disember 2013</p>

PENCAPAIAN KUALITI

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

Pencapaian dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif yang memberangsangkan sejak tahun 2009, telah memberi inspirasi kepada staf Perpustakaan untuk terus member komitmen yang padu. Pada 2013, Perpustakaan telah menghantar Kumpulan EasyLIB dengan tajuk projek Memantapkan Koleksi Kertas Persidangan dan Artikel Jurnal di dalam UMPIR. Kumpulan ini telah berjaya merangkul tempat ke-2 dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif ke-5 UMP.

KE ARAH PENSIJILAN ISO 9001:2008

Dalam proses memantapkan kualiti perkhidmatan, Perpustakaan telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik proses kerja berdasarkan standard ISO 9001:2008. Beberapa siri bengkel telah diadakan bagi tujuan tersebut. Perpustakaan telah menetapkan tahun 2015 sebagai sasaran tahun pensijilan.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ICT

Perpustakaan telah melangkah ke satu fasa yang baharu dalam kegiatan promosi dalaman. Perolehan Sistem WebDT yang terdiri dari *Digital Signes*, *TV LED* dan server WebDT memudahkan pihak Perpustakaan menguar-uarkan segala aktiviti dan maklumat terkini yang terdapat di Perpustakaan. Bagi tujuan sekuriti penyelenggaraan perkakasan Thin Client, Sistem VmWare telah digunakan sebagai penghubung di antara perkakasan Thin Client dan aplikasi asas seperti Microsoft Office, Acrobat Reader dan sebagainya.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR FIZIKAL


Beberapa pembaharuan dan pengubahsuaian fizikal telah dilakukan bagi memberikan suasana yang kondusif dan menarik kepada pengguna-pengguna Perpustakaan. Antara penambahbaikan adalah:

- Menambah baik sistem monitor dan ruang di Auditorium
- Menyediakan laluan berbumbung dari fakulti ke Perpustakaan
- Penambahan *reader* dan system *smart card*.
- Penambahan dinding kalis bunyi di Bilik AV

TAHAP KEPUASAN PENGGUNA 2013

Satu kajian mengenai tahap kepuasan pengguna telah dilakukan bagi mengkaji persepsi pengguna perpustakaan terhadap kualiti koleksi, perkhidmatan serta kemudahan yang ditawarkan oleh pihak Perpustakaan UMP. Berikut merupakan ringkasan hasil kajian.

Carta 28: Peratusan tahap kepuasan pengguna pada tahun 2013



(1=Very Dissatisfied; 2=Dissatisfied; 3=Neutral;
4=Satisfied; 5=Very Satisfied)

PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS



PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS

PEMBANGUNAN, PENGUBAHSUAIAN DAN NAIK TARAF UMP KAMPUS GAMBANG

MEMBINA DAN MENYIAPKAN MAKMAL KEJURUTERAAN GAS FKKSA

Kerja-kerja membina dan menyiapkan Makmal Kejuruteraan Gas di FKKSA, UMP Kampus Gambang bagi tujuan menyediakan sebuah makmal yang tertutup dan lebih kemas di dalam kawasan makmal UMP. Projek ini bermula pada 20 Ogos 2013 dan disiapkan pada 28 November 2013.


Pandangan sebelum dan selepas kerja-kerja pembinaan



MEMBINA DAN MEREKA BENTUK *ENTRANCE* CARIFF DAN *SPECIALITY CHEMICAL LAB*

Kerja-kerja membina dan mereka bentuk *entrance* Cariff dan *speciality chemical lab* bertujuan untuk memberi imej yang baharu di kawasan makmal UMP. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 28 Oktober 2013 dan telah siap sepenuhnya pada 19 Januari 2014.

Pandangan sebelum dan selepas pembinaan



PEMBINAAN DAN PENYIAPAN KEDAI CENDERAMATA

Kerja-kerja pembinaan dan kedai cenderamata bertempat di bangunan galeri telah bermula pada 15 Ogos 2013 dan telah siap sepenuhnya pada 25 September 2013. Pengunjung/pelawat boleh memperoleh pelbagai jenis cenderamata yang berkaitan dengan UMP di kedai berkenaan.


Pandangan sebelum dan selepas pembinaan



PENGUBAHSUAIAN DAN HIASAN DALAMAN DI PEJABAT ANTARABANGSA

Pengubahsuaian dan hiasan dalam di Pejabat Antarabangsa telah dimulakan pada 1 Oktober 2013 dan ianya telah siap pada 4 November 2013. Dengan siapnya pengubahsuaian dan hiasan dalaman, ia telah menjadikan Pejabat Antarabangsa lebih kondusif kepada pelajar-pelajar antarabangsa untuk berurusan, melakukan perbincangan dan seumpamanya.

Pandangan sebelum dan selepas pengubahsuaian



PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP UMP PEKAN

PROJEK BANGUNAN KOMPLEKS PENTADBIRAN UTAMA (KPU)

Kos pembinaan bangunan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU) di UMP Pekan adalah sebanyak RM53,000,000.00. Projek tersebut telah bermula pada 6 Julai 2012 dan dijangka siap pada 5 Disember 2014. Kompleks itu melibatkan keluasan lantai 10,500 meter persegi. Bangunan tersebut bakal menempatkan beberapa jabatan seperti Pejabat Naib Canselor, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari dan Jabatan Penyelidikan & Inovasi.





Perkembangan projek bangunan Kompleks Pentadbiran Utama (KPU)

PUSAT BAHASA MODEN DAN PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Projek ini telah bermula pada 6 Julai 2012 dan dijangka siap pada 5 Disember 2014 dengan kos sebanyak RM70,000,000.00. Projek ini melibatkan pembinaan tiga blok bangunan. Bangunan ini mengandungi blok Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, blok Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Dewan Kuliah Utama. Keluasan lantai adalah 16,348 meter persegi.





Perkembangan projek Pusat Bahasa Moden dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi

PEMBANGUNAN DAN AKTIVITI PELAJAR



PEMBANGUNAN DAN AKTIVITI PELAJAR



Pada tahun 2013, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan yang melibatkan kesemua elemen lapan teras yang telah digariskan yang mampu melahirkan modal insan yang cemerlang. Pencapaian pelajar di dalam anugerah inovasi di peringkat antarabangsa juga amat membanggakan.

PENCAPAIAN PELAJAR

INTERNATIONAL INVENTION SHOW (INOVA 2013)

INOVA Show 2013 telah diadakan pada 16 November 2013. Pameran ini melibatkan 32 buah negara yang melibatkan hampir 600 produk bagi kategori terbuka dan penyelidik muda. Dalam pertandingan ini, pelajar UMP telah berjaya memperoleh keputusan berikut:

Jadual 50: Projek yang dimenangi pelajar dalam INOVA 2013

BIL.	NAMA PROJEK	PENYELIDIK	KELAB	KEPUTUSAN
1.	<i>Ultrasonic Assisted Transesterification of Waste Cooking Oil Catalysed by KOH Activated Cement Clinker</i>	Nurul Hidayah binti Muhamad @ Ghazali	CHEST, FKKSA	Emas dan <i>Honors of Invention, World Invention Intellectual Property Association</i>
2.	<i>Extraction and Characterization of JatrophaCurcasLinnaeus Seed Oil Through Soxhlet Method</i>	Shalini A/P Mani	CHEST, FKKSA	Perak
3.	<i>Waste to wealth: Formulation of anti-aging cream from Agarwood Hydrosol</i>	Che Mohd Aizal bin Che Mohd	FIST	Gangsa
4.	<i>A Green Technology Technique to Recover Oil From Waste Emulsion (From Waste to Wealth)</i>	Noor Adilah binti Salehan	CHEST, FKKSA	Emas dan <i>Best Invention, Istanbul Aydin University</i>



PAMERAN PENYELIDIKAN I-ENVEX 2013

The 4th International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX2013) telah diadakan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). i-ENVEX 2013 telah disertai 17 IPTA dan IPTS, Politeknik, Sekolah dan 14 negara seperti Kemboja, Kanada, India, Selatan Korea Iran dan lain-lain. Lebih 500 penyelidik muda terlibat dalam mempamerkan 289 produk penyelidikan.

UMP lagi sekali mempamerkan kejayaan 100% dengan mempertandingkan 15 produk penyelidikan.

Keputusannya adalah seperti di dalam Jadual 51 berikut:

Jadual 51: Senarai pencapaian pelajar dalam i-ENVEX 2013

BIL.	NAMA	TAJUK PROJEK	KELAB	KEPUTUSAN
1.	Siti Hawa binti Apandi	<i>Smart Attendance Management System</i>	PETAKOM, FSKKP	<i>Emas & i-ENVEX Best Award (ICT Multimedia, Telecommunications, Electricity & Electronic</i>
2.	Mohd Faiz bin A. Razak & Nurul Hidayah Muhamad @ Ghazali	<i>Ultrasonic Assisted Transesterification of WCO Catalysed by Cement Clinker Based Catalyst</i>	CHEST, FKKSA	<i>Emas & Sir Anthony J. Leggett Nobel Award & wang tunai RM1,000</i>
3.	Muhammad Noor Azreen bin Mohd Khairu dan Noor Adilah binti Md Salehan	<i>Recycling of Monoethanolamine (MEA) Wastewater Using Bioadsorbents Treatment system (From Waste to Wealth)</i>	CHEST, FKKSA	<i>Emas & INOVA Young Inventor Award - Croatia</i>
4.	Mohd Syaifulsyam dan Hajar Athirah Mohd Sukri	<i>Mangifera Indica or Odorata Leaves Waste for Low Cost Adsorbent</i>	CHEST, FKKSA	Emas
5.	Shalini A/P Mani	<i>Extraction and Characterization of Jatropha Curcas Linnaeus Seed Oil Through Soxhlet Method</i>	CHEST, FKKSA	Emas



PAMERAN PENYELIDIKAN DI MACAU

Seramai empat orang pelajar UMP telah menempa nama di persada antarabangsa dengan kejayaan 100% apabila berjaya meraih dua pingat emas, dua pingat perak dan tiga anugerah khas di 2013 Macau International Innovation & Invention Expo yang berlangsung di Macau Fishman's Wharf & Exhibition Centre. Pertandingan ini bermula 28 Jun hingga 30 Jun 2013 dengan mempamerkan 400 produk penyelidikan di seluruh dunia. Antara negara yang menyertai pertandingan ini ialah Croatia, Korea, Taiwan dan lain-lain. Empat projek penyelidikan pelajar UMP yang telah berjaya memenangi pertandingan tersebut adalah seperti yang dipaparkan di dalam Jadual 52 di bawah:

Jadual 52: Senarai pencapaian pelajar dalam pameran penyelidikan di Macau pada tahun 2013

BIL.	NAMA	TAJUK PROJEK	KELAB	PENCAPAIAN
1.	Muhammad Noor Azreen bin Mohd Khairu	<i>Recycling of Monoethanolamine (MEA) Wastewater Using Bioadsorbents Treatment System (From Waste to Wealth)</i>	CHEST, FKKSA	Emas & Hong Kong Invention Associations
2.	Nurul Asyikin binti Mohd Azam	<i>EBN Pheromone Booster</i>	SCITEX, FIST	Emas & World Invention Intellectual Property Associations - Macau
3.	Hazim Anas bin Mohamad	<i>Smart Attendance Management System</i>	PETAKOM, FSKKP	Perak & Korea Invention Associations
4.	Mohd Syaifulsyam bin Abdullah	<i>Mangifera Indica or Odorata Leaves Waste for low Cost Adsorbent</i>	CHEST, FKKSA	Perak



MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR 2013/2014

Seramai 23 orang Majlis Perwakilan Pelajar UMP sesi 2013/2014 yang diketuai oleh Saudara Mohamad Nabil bin Muhamad telah menerima surat lantikan dan menandatangani Perakuan Terima Jawatan berkuat kuasa pada 5 Disember 2013. Program Latihan Kepimpinan yang dijalankan khas untuk memperkemaskan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah diadakan pada 18 hingga 20 Januari 2014 bertempat di Blue Wave Hotel, Shah Alam. Program ini memfokuskan kepada empat modul utama iaitu Pementapan Sahsiah, Penghayatan Hala Tuju, Pemahaman Dasar dan Inisiatif Kerajaan serta Keseimbangan Pencapaian Akademik dan *Soft Skills* dalam kalangan Pemimpin Pelajar.



PROGRAM MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA

MAHASISWA UMP DEKATI MASYARAKAT TAMMALANG, THAILAND

Seramai 90 orang mahasiswa UMP telah mengadakan lawatan ke Kampung Tammalang, Satun Thailand dalam Program Antarabangsa Pelajar: Perkongsian Akademik & Sosiobudaya di Thailand Siri 2 yang berlangsung pada 21 hingga 27 Mac 2013. Program antara lain bertujuan mewujudkan jalinan hubungan antarabangsa yang erat antara IPTA dengan NGO serta masyarakat sekeliling terutama penduduk luar bandar di peringkat antarabangsa.

Selain itu, ia juga ianya dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa UMP berkaitan pengurusan aktiviti pelajar dan *'total campus experience'* di Prince of Songkhla University dan sukan persahabatan dengan Thaksin University, Thailand. Melalui program ini mahasiswa UMP dapat mencari pengalaman dari segi pengurusan sesuatu projek dan memupuk tradisi dan budaya ilmu serta pengalaman *soft skills* sebagai pembinaan nilai insan dalam masyarakat.

Mahasiswa UMP juga turut berkongsi kepakaran dengan membangunkan taman permainan mini bagi penduduk kampung tersebut. Taman permainan tersebut dirasmikan serentak dengan perasmian program yang dilakukan oleh Timbalan Gabenor Wilayah Satun Nuanchey Jira Aphirak dan Prof. Dr. Zulkefli bin Yaacob, Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat UMP.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersama penduduk kampung adalah seperti kelas bahasa Inggeris dan komputer dengan pelajar sekolah rendah, kelas alat muzik, kenduri sekampung, sukan rakyat dan malam kebudayaan dua negara.



MISI KEMANUSIAAN UMP DI KEMBOJA SIRI I - 'WE LOVE WE CARE'

Keadaan hidup serba kekurangan dan niat untuk menabur khidmat bakti telah membawa UMP ke Kemboja dengan tema 'We Love We Care'. Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni ini telah disertai oleh seramai 44 orang yang terdiri daripada alumni, pelajar-pelajar UMP serta pegawai pengiring yang dijalankan pada 19 hingga 24 Ogos 2013.

Berbagai program telah dijalankan ini termasuklah Modul Pembangunan, Pendidikan dan Khidmat Masyarakat. Modul Pembangunan yang dijalankan adalah pembinaan tempat wuduk, anjung masjid, mengecat bangunan masjid dan tandas madrasah, naik taraf lantai madrasah, pembinaan jalan, tandas wanita, mengecat bangunan asrama lelaki, pemasangan jubin lantai asrama lelaki, pembinaan telaga dan tandas pelajar lelaki serta pembinaan ruang masak dan ruang makan. Selain itu, Kelas Bahasa Inggeris juga turut dijalankan kepada pelajar Madrasah Al-Nikmah yang terletak di Kampung Bait An Long, Stung Trong Wilayah Kampung Champ. Oleh kerana program dijalankan dalam bulan Syawal sempena Aidilfitri, kenduri sekampung turut dilaksanakan bersama masyarakat kampung tersebut.



PROGRAM VOLUNTERIES OUTREACH 2 VIETNAM (VO2V)

Seramai 27 warga UMP terdiri daripada dua orang pegawai pengiring berserta tiga orang alumni dan 22 orang ahli Kelab Pembimbing Rakan Siswa telah menjayakan misi kemanusiaan di Vietnam. Program tersebut berlangsung selama lima hari iaitu pada 13 hingga 17 Oktober 2013.

Program bertujuan untuk membawa pemikiran mahasiswa agar lebih mengenali, memahami dan memanifestasikan erti kehidupan masyarakat muslim di negara yang mengamalkan agama dan budaya yang berbeza. Program ini juga diadakan bagi menyelami kehidupan masyarakat di luar sana di samping meningkatkan semangat sukarelawan yang tinggi dalam kalangan ahli kelab. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti gotong-royong membersihkan masjid, madrasah, mengadakan kelas bersama anak-anak masyarakat kampung serta meraikan sambutan Hari Raya Aidiladha. Sumbangan juga turut dihulurkan seperti pakaian, alat tulis, tenaga dan sedikit wang.



KOLEJ KEDIAMAN 4 SERTA KEMBARA ILMU SURABAYA (KIS 2013)

Seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada staf kolej, felo, pembantu felo dan mahasiswa dari Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 4 (PEKA 4) telah menyertai Kembara Ilmu Surabaya (KIS 2013) pada 12 hingga 16 Disember 2013. Kembara ini berkonsepkan akademik, kebudayaan, rekreasi dan khidmat komuniti.

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai antara UMP dan Institut Teknologi Surabaya (ITS) Indonesia untuk mengadakan kerjasama erat bagi kepentingan bersama kedua-dua universiti. Para peserta kemudiannya dibawa ke Sekolah Luqmanul Hakim Surabaya untuk menjalankan program “*English Camp*” bersama 150 orang pelajar. Para peserta juga dibawa melawat ke Sekolah Menengah Pertama Muamadiyah 2 Surabaya dan disambut meriah dengan persembahan nyanyian, silat, *choral speaking* dan pertunjukan roket dan kereta hasil ciptaan pelajar di sana. Delegasi juga dibawa melawat ke tempat Penerbitan Majalah Hidayatullah.

Kembara Ilmu Surabaya (KIS 2013) diteruskan dengan melawat perkampungan Arab di Sunan Ampel Surabaya. Di sini pelajar dapat merasai suasana hidup orang kampung dan melihat pelbagai ragam serta corak hidup masyarakat di sana yang jarang dirasai di Malaysia. Kemuncak program adalah peserta dibawa ke Daerah Wisata Kawah Bromo, Malang untuk melihat kawah gunung berapi Bromo yang masih aktif dengan suhu sekitar 10°C dan diselubungi dengan asap dari kawah gunung berapi tersebut.



LAWATAN KE INSTITUSI TEKNOLOGI BANDUNG

Program ini telah diadakan pada 12 hingga 16 Disember 2013 di Institusi Teknologi Bandung. Seramai 12 orang Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman serta dua orang pensyarah pengiring telah mengikuti program ini. Objektif program ini melahirkan Mahasiswa yang mencintai kerja-kerja sukarela dan membantu melahirkan mahasiswa yang suka membantu serta memupuk minat Mahasiswa UMP untuk berkongsi ilmu bersama penduduk kampung. Program ini sekaligus menjadi landasan kepada UMP mempelajari dan mendalami Kursus Kerja Nyata yang dipraktikkan di ITB Bandung untuk dipraktikkan di UMP.



KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

FESTIVAL BAYU KENYALANG 2013

Sekretariat Mahasiswa Anak Sabah Sarawak (SMASS) telah menganjurkan Festival Bayu Kenyalang 2013 (FBK '13) pada 20 April 2013 yang lalu bertempat Dewan Kompleks Sukan UMP dengan dihadiri hampir 2,000 orang peserta.

Festival ini bermula dengan pembukaan pameran mengenai keadaan negeri Sabah dan negeri Sarawak dan pameran alat-alat dan pakaian tradisional. Selain itu, diadakan juga demo membuat ambuyat yang merupakan makanan tradisional dari negeri Sabah di samping mencuba sendiri tarian Magunatip merupakan tarian Orang Ulu di negeri Sabah. Program berakhir dengan persembahan kebudayaan dari Sabah dan Sarawak.

Program ini merupakan agenda utama para pelajar Sabah dan Sarawak yang menuntut di UMP bagi memperkenalkan budaya etnik dari Sabah dan Sarawak yang jarang sekali ditemui di Semenanjung.





BARAQAH BEGGERS JUARAI FESTIVAL NASYID IPT PERINGKAT NEGERI PAHANG

Seramai sembilan orang peserta kumpulan nasyid UMP daripada kumpulan Baraqah Beggers (Kampus Pekan) menyertai pertandingan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah pada 5 April 2013. Kumpulan ini dianggotai oleh lapan orang ahli dengan membawakan dua buah lagu iaitu Muhasabah Cinta nyanyian asal kumpulan Edcoustik dan lagu ciptaan mereka sendiri bertajuk Khalifah. Konsep yang dibawa adalah nasyid moden. Objektif pertandingan ini adalah untuk mewujudkan semangat kerjasama berpasukan antara IPT negeri Pahang,

menyemarakkan kesenian Islam melalui kepelbagaian Nasyid (moden dan tradisional), menerapkan nilai-nilai positif dan semangat kerja berkumpulan serta menguji kemampuan pelajar untuk bersaing secara positif. Kumpulan Nasyid Baraqah Beggers telah berjaya menjuarai pertandingan ini dan membawa pulang trofi dan hadiah wang tunai berjumlah RM400.00.



JUARA BINTANG SISWA RTM PAHANG

Pertandingan Bintang Siswa RTM Pahang 2013 telah berlangsung pada 12 April 2013 di Dataran Kolej Shah Putra, Kuantan. UMP telah menghantar dua orang pelajar bagi menyertai pertandingan ini, iaitu Nur Azwa binti Omar Rashid (FKEE) dan Nurul Fatimah binti Mohamad Ali (FKKSA). Nur Azwa binti Omar Rashid, telah menjuarai pertandingan ini dengan lagu "Kau Pergi Tanpa Pesan" nyanyian asal Dato' Syarifah Aini. Nur Azwa pula membawa pulang trofi dan wang tunai berjumlah RM2,000.00.

MALAM SANTAI BUDAYA II UMP – UNIVERSITI MARITIM RAJA ALI HAJI

Malam Santai Budaya II UMP 2013 merupakan program pertukaran budaya antara pelajar UMP dengan pelajar dari Universiti Maritim Raja Ali Haji. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti lawatan budaya, lawatan akademik ke fakulti-fakulti UMP, ceramah, dan bengkel tari. Malam Santai Budaya II merupakan acara kemuncak sempena lawatan ini. Kedua-dua universiti mengadakan pelbagai persembahan kesenian seperti tarian, gurindam, silat, nyanyian dan muzik. Persembahan tarian Zapin dipilih sebagai persembahan gabungan memandangkan Malaysia dan Indonesia merupakan satu rumpun bangsa.



PENUTUP MALAM BAHASA JIWA BANGSA DBP PERINGKAT KEBANGSAAN DI UMP

Seramai 180 orang pelajar daripada Unit Kesenian, Sekretariat Kebudayaan dan Kesenian UMP telah menyumbang tenaga dan masa bagi menjayakan program anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP pada 15 November 2013. Program ini merupakan julung kali diadakan di Instituti Pengajian Tinggi dan UMP terpilih untuk menjayakannya. Pelbagai persembahan telah dijayakan oleh pelajar UMP seperti Tarian Burung Krak Nasik oleh kumpulan Kencana Pawana, persembahan nasyid acapella oleh kumpulan Baraqah Beggars, dikir barat Warisan Sri Pujangga, gabungan muzik gamelan dan band oleh kumpulan Germasika, kumpulan muzik Kugiran Larut Malam serta sketsa oleh kumpulan teater Waris.

Turut memeriahkan majlis adalah bacaan puisi oleh Prof. Dr. Abd. Jalil bin Borham, Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan dan Datuk Dr. Haji Awang Sariyan, Ketua Pengarah Dewan Bahasa & Pustaka.



PESTA TANGLUNG DI UMP PEKAN MERIAH

Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan budaya Pesta Tanglung kepada semua warga UMP bagi mewujudkan semangat 1 Malaysia. Program telah dirasmikan oleh Dr. Yuserrie bin Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP.



KAUNSELING DAN KERJAYA

PROGRAM SECTOR FOCUSED CAREER FAIR 2013

Program ini telah diadakan pada 9 hingga 10 Oktober 2013 bertempat di Dewan Kompleks Sukan UMP, Gambang. Program ini merupakan kerjasama antara pihak Talentcorp Malaysia Berhad dengan pihak UMP dan telah menerima sambutan lebih daripada 2,500 orang pelajar dan juga staf.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang kerjaya dan sekaligus memberi pengalaman untuk menghadapi temu duga. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan keprihatinan kerjaya dan pemahaman industri terhadap dilema para pelajar dalam mencari pekerjaan.

Pelbagai pengisian program telah dijalankan seperti pameran terbuka daripada pihak industri, temu duga terbuka, ceramah kerjaya dan juga pelbagai aktiviti yang menarik dijalankan. Para pengunjung yang terdiri daripada pelajar telah mengambil peluang ini untuk bersemuka dengan wakil majikan secara langsung, mencari peluang pekerjaan serta mendapatkan maklumat dan nasihat daripada wakil-wakil syarikat yang terlibat dalam program kerjaya ini. Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Paya Besar, Yang Berhormat Datuk Abdul Manan Ismail



KHIDMAT MASYARAKAT DAN KESUKARELAWAN

UMP URUS SETIA BANJIR IPT PANTAI TIMUR

Pahang merupakan negeri paling buruk mengalami kesan musim tengkujuh tahun ini dengan 34,235 mangsa banjir ditempatkan di pusat-pusat pemindahan di Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Jerantut, Lipis, Temerloh dan Bera. UMP merupakan urus setia banjir bagi Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Pantai Timur yang telah membuka bilik gerakan banjir bermula 3 Disember 2013. Seramai 3,000 orang pelajar dan 500 orang staf UMP telah berdaftar sebagai sukarelawan.

UMP telah menyelaras semua sukarelawan yang terlibat dan menghantar mereka ke kawasan yang memerlukan bagi membantu kerja-kerja pencucian di pusat pemindahan serta membantu sukarelawan memasak dan menyediakan makanan untuk mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan. Yang Berhormat Datuk Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II telah hadir merasmikan Gotong-royong Perdana yang melibatkan seramai 2,000 orang pelajar UMP ke kawasan-kawasan yang teruk dilanda banjir bagi membantu meringankan beban mereka.



PROGRAM EXPOCONVO'13

Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Diraja Dr. Haji Adnan Haji Yaakob hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Expoconvo UMP sempena majlis Konvokesyen UMP Ke-8 bertempat di Dataran Canseleri, UMP Gambang pada 2 Oktober 2013. Dalam ucapannya, beliau amat berbangga dengan hasil titik peluh dan komitmen yang telah diberikan pelajar UMP dalam menjayakan program sebegini.

Pada majlis yang sama, YAB Menteri Besar Pahang turut menyampaikan anugerah tokoh Usahawan Muda kepada pelajar UMP iaitu Muhamamd Hilimi bin Zamri yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Mekanikal yang menjalankan perniagaan percetakan, tiket dan servis komputer. Penganugerahan ini diperkenalkan bagi mendorong mahasiswa untuk berjaya dalam pengajian dan pada masa yang sama memiliki nilai keusahawanan dengan menyertai latihan dan seminar yang dianjurkan pihak universiti.

Pelbagai aktiviti diadakan sempena Expoconvo kali ini seperti pertandingan Hiasan Cup Cake, Friday Wisdom dan Slot Wanita (Pertahankan diri), UMP Berselawat bersama Sheikh Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki, Konsert IM4U bertemakan kemanusiaan dan Larian Free Run 4 Peace.



UMP Berselawat



Pertandingan Hiasan Cupcakes



Slot Wanita (Pertahanan Diri)



Makan Buah Alumni Bersama Naib Canselor



Free Run For Peace



Konsert IM4U

KEJOHANAN SUKAN ANTARA FAKULTI (SUKFAC)

Kejohanan Sukan antara Fakulti (SukFAC) merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Pelajar UMP dengan kerjasama Pusat Sukan UMP. Program ini diadakan bagi mengeratkan hubungan antara mahasiswa UMP yang melibatkan peserta-peserta yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi dalam kalangan lapan buah fakulti. Setiap fakulti wajib menghantar wakil untuk setiap pertandingan bagi memastikan objektif program ini tercapai.

Program ini juga diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat mahasiswa dan mahasiswi agar dapat mengenal pasti pemain-pemain yang mampu mewakili UMP dalam kejohanan yang besar pada masa akan datang seperti MASUM. Selain itu, program ini juga bertujuan menggalakkan mahasiswa dan mahasiswi UMP untuk menonjolkan bakat mereka melalui sukan.



WINNING HEARTS & MINDS: KEMBARA KE TIOMAN

Sempena Tahun Kesukarelawan UMP, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAffAD) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Jabatan Laut Malaysia, Pahang telah menganjurkan program Kembara ke Tioman pada 8 hingga 10 Mac 2013. Fokus utama adalah melabuhkan sebanyak 15 unit tukun tiruan di perairan Taman Laut di Kampung Tekek, Pulau Tioman. Majlis melabuhkan tukun tiruan disempurnakan oleh YB Kapt (B) Dato' Haji Mohd Johari bin Haji Hussin, Adun Tioman.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi sumbangan tenaga, fikiran dan perhidmatan kepada penduduk di Pulau Tioman supaya sama-sama menjaga habitat alam semula jadi. Selain itu, ianya juga dapat membina hubungan erat antara pelajar dan masyarakat menerusi program khidmat komuniti yang menjadi salah satu teras aktiviti pelajar.

Seramai 17 pelajar dari Kelab MECHAPRO, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah bertungkus-lumus menyiapkan kesemua tukun tiruan tersebut dengan bimbingan Dr. Gan Leong Ming, Pensyarah FKM dan dibantu oleh tenaga kerja FKM. Pemasangan Tukun Tiruan ini adalah salah satu cara untuk organisma marin hidup, mencari makanan, perlindungan dan sebagai penahan ombak dan merupakan program utama peserta Program *Winning Hearts & Minds*: Kembara ke Pulau Tioman.

Pelbagai program lain diadakan sempena program ini seperti pemeriksaan kesihatan oleh mahasiswa UIA dan program sukan bersama-sama belia kampung. Turut diadakan program bersama pemimpin dan program gotong-royong.



KARNIVAL SUKAN KOLEJ KEDIAMAN 2 2013

Karnival Sukan Kolej Kediaman 2 telah berlangsung pada 11 hingga 17 Mac 2013. Program diadakan di padang Kolej Kediaman 2, Kompleks Sukan dan perasmian program di adakan di Dewan Astaka UMP. Karnival terbuka untuk semua pelajar kolej kediaman Gambang dan Pekan. Program ini diadakan atas keprihatinan PEKA 2 terhadap penglibatan aktiviti pelajar di kolej-kolej kediaman dalam bidang sukan serta penglibatan mereka dalam perkara-perkara yang berfaedah. Melalui program ini, pelajar-pelajar akan lebih aktif bersukan seterusnya mengelakkan mereka terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral. Program ini juga bertujuan untuk mendekatkan serta merapatkan hubungan silaturahim antaran pelajar dan staf-staf kolej kediaman serta felo-felo.

Antara sukan yang dipertandingkan adalah futsal, badminton, ping pong, tarik tali, *paintball* dan PES 2013.



KEBAJIKAN DAN PEMBIAYAAN PELAJAR

AGIHAN ZAKAT BANTU RINGANKAN BEBANAN PELAJAR UMP

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni melalui Unit Kebajikan Pelajar telah mengadakan pengagihan bantuan zakat kepada pelajar-pelajar UMP yang berkecukupan dan berlatarbelakangkan keluarga susah.

Sumber utama Tabung zakat ini adalah daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Bagi tahun 2013, jabatan ini telah menerima dana dari tiga buah agensi kerajaan dan swasta iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (RM30,000), Etiqa Takaful Berhad (RM 70,000) dan Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn Bhd (RM30,000) menjadikan dana keseluruhan yang diterima sebanyak RM130,000.

Sepanjang tahun 2013 sebanyak RM285,500 telah berjaya diagihkan kepada 924 orang pelajar melalui empat kali sesi temu duga.



BANTUAN PELAJARAN OLEH YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (YTAR)

Yayasan Tunku Abdul Rahman buat kali ketiga telah menawarkan Skim Bantuan Pendidikan kepada pelajar-pelajar UMP yang berkelayakan. Seramai 36 orang daripada 142 permohonan telah terpilih menerima bantuan tersebut. Angka ini meningkat dari tahun sebelumnya di mana YTAR hanya meluluskan bantuan kepada seramai 10 orang (2011), 20 orang (2012) dan meningkat pada tahun 2013 iaitu seramai 36 orang. Setiap pelajar yang layak akan mendapat bantuan sebanyak RM3,000 seorang setahun. Pembayaran dilakukan selama dua semester berturut-turut.

Bagi tahun 2013 ini, secara keseluruhannya, YTAR memperuntukan sebanyak RM 108,000 untuk pelajar-pelajar UMP yang melepasi syarat yang ditetapkan. Antara syarat utama adalah pelajar miskin atau berlatarbelakangkan keluarga susah selain mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang.

BANTUAN NETBOOK 1 MALAYSIA KEPADA PELAJAR UMP OLEH SKMM

Seramai 375 orang pelajar UMP telah menerima bantuan *Netbook* percuma dalam Program Penyerahan Netbook 1 Malaysia yang diadakan di Dewan Astaka UMP pada 21 Mei 2013.

Program ini merupakan inisiatif kerajaan di bawah Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) dalam usaha membantu para pelajar UMP khususnya mengurangkan bebanan mereka terutama dalam kalangan mereka yang kurang berkemampuan.



MAJLIS SAMBUTAN BERBUKA PUASA ALUMNI UMP BERSAMA MEDIA & ANAK YATIM

Majlis anjuran bersama Persatuan Alumni UMP dan UMP ini bagi menghargai sokongan lebih 50 orang media di negeri Pahang dan bagi meraikan seramai 35 anak-anak yatim dari Rumah Permata Insyirah dan Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang sempena bulan Ramadan Al-Mubarak. Bertempat di Hotel M.S Garden Kuantan, majlis dihadiri oleh Naib Canselor UMP, pegawai-pegawai kanan universiti, pihak media dan Timbalan Presiden Persatuan Alumni, En. Mohd Najib bin Razali. Majlis itu diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara media dan alumni serta penghargaan kepada media yang selama ini sentiasa memberikan kerjasama dalam mewar-warkan berita aktiviti utama UMP dan mempromosi UMP kepada masyarakat luar. Pada majlis ini juga turut disampaikan sumbangan hasil kutipan derma pihak Alumni UMP sebanyak RM4,660 kepada Pengerusi Rumah Permata Al-Insyirah dan Pengetua Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang.



MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI ALUMNI UMP DAN MAJLIS PELANCARAN *WE LOVE WE CARE* MISI KEMANUSIAAN KEMBOJA

Sempena sambutan bulan Syawal, Persatuan Alumni UMP telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri Alumni UMP bertempat di Hotel Double Tree By Hilton Kuala Lumpur. Majlis telah berjaya mengumpulkan lebih 100 orang alumni UMP dan turut dihadiri oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Presiden Persatuan Alumni UMP, Syed Mohamad Hamzah al-Junid. Selain sesi beramah mesra, majlis ini juga turut diserikan dengan Pelancaran '*We Love We Care* Misi Kemanusiaan Kemboja'. Program yang berteraskan tiga modul iaitu pembangunan, pendidikan dan sosial melibatkan seramai 30 orang pelajar UMP dan 10 orang alumni dan staf UMP. Misi ke Kemboja ini mendapat sokongan daripada pihak Perodua Sdn. Bhd. (PERODUA), Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dan Kelab Puchong Bikers dengan dana sumbangan yang berjaya dikumpulkan sebanyak RM50,000. Pelancaran Kelab Rekreasi Persatuan Alumni turut diadakan pada majlis ini, yang mana bertujuan untuk merapatkan ikatan antara alumni serta menggiatkan lagi aktiviti dalam memeriahkan lagi sumbangan alumni kepada universiti.



ALUMNI

STATISTIK STATUS GRADUAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN UMP KONVOKESYEN KE-8

Berdasarkan jadual berikut didapati status graduan bekerja ialah graduan yang bekerja dan menyambung pengajian. Kajian ini dibuat dalam tempoh enam bulan graduan disahkan menamatkan pengajian. Tempoh enam bulan bermula daripada bulan Julai 2013 sehingga Januari 2014. Sebelum konvokesyen (Oktober 2013) status graduan bekerja ialah 49%, jumlah ini telah meningkat kepada 54% sehingga 31 Oktober 2013. Sehingga tamat tempoh enam bulan, statistik graduan yang mendapat pekerjaan ialah 78% iaitu sehingga 31 Januari 2014. Pihak universiti telah menyasarkan 80% graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan menamatkan pengajian. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada graduan tidak bekerja adalah kerana:

- tidak mampu untuk bersaing dengan calon yang lebih cemerlang (keterampilan dan keyakinan diri dan komunikasi).
- peluang pekerjaan bagi sektor/bidang tertentu memerlukan pekerja lelaki sedangkan graduan dalam bidang tersebut lebih ramai wanita.
- peluang pekerjaan dalam bidang kursus yang diikuti amatlah terhad.
- graduan memilih pekerjaan.

SUKAN DAN REKREASI

KARNIVAL BOLA KERANJANG 3 ON 3 IPT 2013

UMP adalah Pusat Sukan Tumpuan (PST) Bola Keranjang dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia.

UMP telah menganjurkan Karnival Bola Keranjang 3 on 3 IPT 2013 yang berlangsung selama empat hari bermula 7 hingga 10 November 2013 bertempat di Teluk Chempedak Kuantan. Kejohanan ini telah menarik sebanyak 71 pasukan daripada pelbagai IPT di seluruh Malaysia. Kategori yang dipertandingkan pada kali ini adalah Kategori IPT Lelaki dan Kategori Wanita IPT. Jadual 53 berikut adalah keputusan rasmi perlawanan:

Jadual 53: Senarai keputusan Karnival Bola Keranjang 3 on 3 IPT pada tahun 2013

	KATEGORI LELAKI IPT	KATEGORI WANITA IPT
<i>Champion</i>	Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR)	Taylor's University
<i>1st Runner Up</i>	Help University	Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR)
<i>2nd Runner Up</i>	Universiti Malaya A (UM)	Universiti Putra Malaysia (UPM)
<i>3rd Runner Up</i>	Universiti Tenaga Nasional B (UNITEN)	Universiti Malaysia Sabah (UMS)

PERLAWANAN PENDEDAHAN ANTARABANGSA PASUKAN BOLA KERANJANG (PST) DAN PETANQUE KE RAMKAMHENG UNIVERSITY BANGKOK THAILAND

Pusat Sukan Tumpuan (PST) UMP dengan kerjasama *University Sports Board of Thailand* telah mengadakan Perlawanan Pendedahan Antarabangsa Pasukan Bola Keranjang dan Petanque bertempat di Ramkamheng University, Bangkok Thailand pada 15 hingga 21 Disember 2013. Perlawanan ini adalah bertujuan sebagai persiapan awal pasukan bagi menghadapi Kejohanan Asean University Games (AUG) 2014 yang dijadualkan berlangsung di Palembang Indonesia pada Disember 2014. Seramai 30 orang peserta mewakili UMP ke perlawanan pendedahan.

Antara universiti yang mengambil bahagian dalam Perlawanan Pendedahan ini adalah Bangkok University, Kasembundit University dan Ramkamheng University. Pasukan Malaysia juga dibawa melawat ke Thammasat University bagi melihat kemudahan sukan yang terdapat di universiti tersebut.

KARNIVAL SUKAN MASUM 2013

Karnival Sukan MASUM 2013 telah berlangsung pada 18 hingga 24 Ogos 2013 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Seramai 120 atlet telah mengambil bahagian dalam 12 acara yang dipertandingkan iaitu Bola Baling (Lelaki), Bola Jaring, Futsal (Lelaki), Pencak Silat, Petanque, Bola Tampar (Lelaki & Wanita), Taekwando, Karate-Do, Sepak Takraw, Badminton dan Bola Keranjang (Lelaki).

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINGEN UMP TELAH DISEMPURNAKAN OLEH PROF. DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM, NAIB CANCELOR UMP.

Dengan bersandarkan Motto “Menang Tidak Bermegah Kalah Tidak Rebah”, pasukan Petanque UMP telah dinobatkan sebagai Pasukan Terbaik kategori Lelaki dan Wanita setelah meraih enam pingat emas, dua pingat perak dan satu pingat gangsa dengan menyertai 12 acara individu dan berpasukan. Bagi Pencak Silat, peserta dari UMP berjaya meraih satu pingat perak dan satu pingat gangsa manakala Taekwando meraih dua pingat perak.

JELAJAH KAYUH KEMBARA UMP – SUNGAI LEMBING 2013

Seramai 60 orang peserta terdiri dari mahasiswa-mahasiswa serta beberapa orang staf UMP telah berjaya mengharungi cabaran konvoi berbasikal sejauh 60km di dalam program Jelajah Kayuh Kembara UMP–Sungai Lembing 2013 pada 19 Mei 2013. Program jelajah berbasikal ini juga telah diserikan dengan kehadiran Prof. Dato’ Dr. Rosli bin Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMP membuat pelepasan berbasikal sekaligus berkayuh bersama menyertai konvoi berbasikal ini sehingga ke Sungai Lembing.

Program Jelajah Kayuh Kembara UMP-Sg Lembing dianjurkan oleh Pusat Sukan UMP dan telah mendapat kerjasama yang erat dari PDRM Cawangan Trafik Kuantan, MPK, Bahagian Keselamatan UMP, JPPH dan juga Unit Kesihatan pelajar UMP. Antara objektif program ini adalah untuk melawat Terowong Bijih Timah Sungai Lembing, sebuah kawasan sejarah dan terkenal pada zaman dahulu dengan membudayakan konsep sukan rekreasi berbasikal melalui elemen sukan pelancongan (*Sport Tourism*) kepada setiap peserta yang terlibat.

KEJOHANAN PENCAK SILAT IPT DAN JEMPUTAN ANTARABANGSA PIALA TIMBALAN PERDANA MENTERI 2013

Pada 15 hingga 20 September 2013, seramai 15 orang atlet silat UMP telah bersaing di Kejohanan Pencak Silat IPT dan Jemputan Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri bertempat di Dataran Pahlawan Mall, Melaka. Kejohanan anjuran Univeristi Tun Hussein Onn (UTHM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah disertai oleh 700 orang

pesilat di setiap IPTA/IPTS/Kolej Komuniti/Politeknik seluruh Malaysia serta Jemputan Antarabangsa seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam dan Laos. Acara Pencak Silat yang diadakan kali ini telah memberi lembaran baharu dalam sejarah Pasukan Pencak Silat UMP dengan membawa pulang lima pingat ke UMP.

Kejayaan membawa pulang dua pingat emas disumbangkan pesilat Al-Ikhtiarudin bin Al Hanif bagi kategori putera H dan Muhammad Safwan bin Mohd Amin bagi kategori Putera G. Ini disusuli dengan kejayaan membawa balik tiga lagi pingat menerusi pingat perak Mohd Izzat Syahmi bin Saiful Azman bagi Kategori Putera A dan pingat gangsa diperoleh melalui dua orang pesilat wanita iaitu Nur Zalfarina binti Azmee bagi Kategori Puteri C dan Noor Azidah binti Abdullah bagi Kategori Puteri F.

Kejayaan pasukan Pencak Silat dalam kejohanan ini telah memberi semangat baharu pada pasukan bagi meraih kejayaan pada kejohanan-kejohanan akan datang.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI



TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PENARAFAN 5 BINTANG PORTAL UMP

Pada tahun 2013, Portal Rasmi UMP telah berjaya mendapatkan penarafan 5 bintang hasil penilaian Malaysian Government Portal & Website Assessment (MGPWA) yang telah dilakukan oleh pihak Multimedia Development Corporation (MDeC).

Berhadapan dengan beberapa isu teknikal yang tidak memenuhi criteria penilaian, telah menyebabkan Portal UMP tidak dapat mengekalkan penarafan 5 bintang pada tahun 2011 dan jatuh kepada 4 bintang pada tahun 2012.


Berada dalam kategori pengajian tinggi, UMP menghuni tangga ke-6 berkongsi markah bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dengan markah sebanyak 82 markah.

Dalam memastikan portal rasmi Berjaya mendapatkan semula penarafan 5 bintang, beberapa usaha telah dilakukan antaranya ialah:

- Penubuhan *Taksforce* Portal UMP di peringkat Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK);
- Pembangunan Sistem *Helpdesk* UMP;
- Perbincangan bersama Jabatan Pendaftar bagi membantu penyediaan Pencapaian Piagam Pelanggan; dan
- Memperkemaskan kandungan Portal Rasmi UMP.


Selain daripada usaha-usaha yang dinyatakan, portal ini juga dipantau dan diselenggara oleh Jawatankuasa Induk Laman Web/Portal Universiti yang bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju Portal Rasmi UMP.

Berikut ialah struktur terkini Jawatankuasa Induk Laman Web/Portal Universiti.



Fungsi jawatan kuasa ini juga distruktur semula dengan menambah sub jawatankuasa supaya proses kerja dapat dilakukan dengan lebih efisien dan efektif. Selain daripada sub jawatankuasa, Pasukan *High Impact* juga telah ditubuhkan bagi memantau maklumat terkini pada Portal Rasmi dengan lantikan beberapa pegawai yang telah dikenal pasti sebagai pemilik maklumat tersebut. Setiap pegawai ini akan bertanggungjawab memberi maklumat terkini kepada *webmaster* universiti dan seterusnya akan dikemas kini pada Portal Rasmi.

Sistem Academic Quality Management System (AQMS)



Sistem Pengurusan Kualiti Akademik (AQMS) merupakan inisiatif yang dicadangkan oleh Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) bagi menambah baik pelaksanaan bisnes teras universiti iaitu pengurusan hal ehwal akademik yang memfokuskan kepada pengajaran & pembelajaran sebagai aktiviti utama. Ia merupakan salah satu inisiatif yang dikenal pasti untuk dilaksanakan di bawah KRA 1: Peningkatan Kualiti Akademik dalam Pelan Strategik UMP 2011-15.

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Akademik (AQMS) dilaksanakan atas justifikasi seperti berikut:

- Menambah baik sistem pengurusan kualiti akademik di fakulti yang berbeza-beza dengan berpandukan satu rujukan/dokumen yang standard;
- Memperkemas pemantauan terhadap pengurusan akademik yang berasaskan kepada *Outcome Base Education* (OBE);
- Mengenal pasti keperluan sumber dengan lebih tepat dan cepat untuk memudahkan pihak pengurusan membuat keputusan dengan lebih efisien; dan
- Membangunkan satu sistem pengurusan kualiti berkaitan akademik yang mantap dan boleh dipercayai.

SISTEM AQMS

Bagi memastikan pengurusan data dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan, pihak CAIC dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), telah membangunkan Sistem Pengurusan Kualiti Akademik (AQMS). Pada fasa pertama sistem yang dibangunkan adalah menjurus kepada penghasilan *Self Assessment Report* (SAR) bagi *EAC Accreditation*. Setelah fasa pertama, ini siap dibangunkan sistem ini telah diuji lari pada sebuah fakulti sebagai *pilot project* iaitu Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA). Berdasarkan maklum balas yang diterima setelah system ini digunakan sistem ini telah dipertingkatkan sedikit demi sedikit melalui beberapa siri mesyuarat dan perbincangan.

Antara kelebihan sistem ini ialah sistem ini berkeupayaan untuk menghasilkan *Self Assessment Report* (SAR Report) bagi *EAC Accreditation* daripada maklumat-maklumat akademik dan bukan akademik yang telah sedia ada di dalam pangkalan data UMP. Selain menjimatkan masa kelebihan ini juga membantu pihak fakulti dalam menyediakan laporan SAR yang mana sebelum ini laporan SAR ini dihasilkan secara manual oleh pihak fakulti. Selain itu juga, sistem ini mempunyai fungsi yang membenarkan laporan SAR tahun semasa dihasilkan daripada tahun-tahun yang lepas. Fungsi ini amat membantu pihak fakulti di mana data-data diperlukan sahaja yang perlu dimasukkan manakala data-data yang berbentuk umum dan berulang tidak lagi perlu dimasukkan oleh fakulti.

PENGURUSAN KUALITI & PRODUKTIVITI



PENGURUSAN KUALITI & PRODUKTIVITI

PELAN STRATEGIK UMP DAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA (PSPTN)

PELAN STRATEGIK UMP 2011-2015


Pencapaian Pelan Strategik UMP 2011-2015 pada tahun 2013 yang sangat baik menandakan satu langkah kejayaan universiti dalam menuju ke arah menjadi “Universiti Teknologi Pilihan Utama” pada tahun 2015. Justeru, sasaran bagi tahun 2014-2015 telah disemak semula dan sasaran baharu yang lebih strategik dan relevan telah ditetapkan untuk menyahut cabaran menjadi “Universiti Teknologi Bertaraf Dunia” menjelang tahun 2020.

PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (PSPTN)


Pelaksanaan PSPTN di UMP adalah berdasarkan Pelan Tindakan Fasa Dua yang memfokuskan kepada elemen baharu iaitu pengukuhan usaha melahirkan modal insan, memperkayakan kreativiti dan inovasi, memaksimumkan ekosistem pengajian tinggi, memanfaatkan globalisasi dan kepemimpinan yang bertransformasi dalam kalangan peneraju institusi pengajian tinggi. Pada tahun 2013, UMP melaksanakan PSPTN berdasarkan 13 Agenda Kritikal (CAP) yang berkaitan bagi mendukung pelaksanaan PSPTN berbanding tahun 2011 iaitu sebanyak 12 CAP. Setiap CAP ini diterajui oleh seorang ketua bagi memastikan pelaksanaan CAP tersebut sentiasa dipantau dan mencapai sasaran seperti mana yang telah ditetapkan.

PENCAPAIAN 2013

PELAN STRATEGIK



PSPTN



INDIKATOR	PERATUSAN	BIL. KPI UKRA UMP	BIL. KPI PSPTN
	> 95%	9	21
	60% - 94%	3	7
	< 60%	0	3
	Dalam proses pelaksanaan	0	0

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK & PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (PSPTN) 2013

Pencapaian Pelan Strategik UMP tahun 2013 dalam empat Bidang Keberhasilan Universiti (UKRA) dengan 12 inisiatif yang ditetapkan menunjukkan bahawa 75% berada pada skala hijau (>95%) dan 25% berada pada skala kuning (60% - 94%).

Bagi pencapaian PSPTN pula, sebanyak 31 KPI yang ditetapkan dalam Projek Agenda Kritikal (CAP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan bahawa 68% (21 KPI) berada pada skala hijau (> 95%), 22% (7 KPI) berada pada skala kuning (60% - 94%) dan 10% (3 KPI) berada pada skala merah (< 60%).

Pencapaian yang diperolehi ini menunjukkan bahawa komitmen yang berterusan daripada semua pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan agenda universiti dapat dicapai.

RINGKASAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK UMP 2011-2015 BAGI TAHUN 2013

Jadual 54: Pencapaian Pelan Strategik UMP 2011-2015 pada tahun 2013

KRA	KPI	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN &	PENCAPAIAN	T/L
KRA 1: PENINGKATAN KUALITI AKADEMIK	Pengambilan pelajar yang berkualiti	Pengambilan pelajar mencapai PGNK 3.00	65%	70%	Green
		Pelajar MUET band 3/ TOEFL 550 IELTS 5.5 dan ke atas	65%	51%	Yellow
	Staf yang kompeten	Kakitangan akademik berkelayakan PhD	45%	52.9%	Green
		Kakitangan akademik mempunyai lima tahun pengalaman industri/ kelayakan profesional	25%	27.5%	Green
	Graduan berketerampilan	Graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi	80%	78%	Green
KRA 2: KELESTARIAN KEWANGAN	Kelestarian Operasi	Penjanaan Pendapatan	23%	23%	Green
KRA 3 : PEMBANGUNAN EKONOMI	Pembangunan Modal Insan Profesional	Sijil Profesional/pelajar (Ijazah)	60%	100%	Green
		Jumlah program kemasyarakatan/ pelajar	60%	100%	Green
	Penubuhan Enterprise	Jumlah pelajar/kakitangan mengambil bahagian dalam program keusahawanan	100 pelajar	63 pelajar	Yellow
		Jumlah IKS/PKS dalam program inkubasi	4 orang	4 orang	Green
KRA 4 : PENJENAMAAN UNTUK PENJAJARAN STRATEGIK	Kepuasan Staf	Indeks kepuasan Staf	80%	68%	Yellow

RINGKASAN PENCAPAIAN KRITIKAL AGENDA PROJEK (CAPS) PSPTN 2013

Jadual 55: Pencapaian kritikal Agenda Projek (CAPS) PSPTN bagi tahun 2013

BIL.	PERINCIAN KPI	SASARAN	PENCAPAIAN	T/L
CAP AKADEMA				
1.	Bilangan penerbitan yang dihasilkan secara perkongsian dan berpasukan	100	244	
2.	Bilangan ahli akademik yang mendapat penganugerahan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	100	94	
3.	Bilangan ahli akademik yang dilantik menjadi Profesor Adjung/Profesor Pelawat	5	2	
4.	Bilangan ahli akademik yang terlibat sebagai pakar rujuk/penasihat di peringkat kebangsaan/antarabangsa	50	53	
5.	Bilangan jemputan yang diterima oleh ahli akademik untuk membentangkan kertas dasar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	5	18	
CAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN				
1.	Peratusan program yang melaksanakan sekurang-kurangnya empat amalan pendidikan liberal	75%	100%	
CAP E-PEMBELAJARAN				
1.	Bilangan kurikulum kursus IPTA dalam <i>Mod Blended Learning</i>	450	629	
CAP KEUSAHAWANAN				
1.	Bilangan siswazah / lulusan IPT menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian	100	63	
2.	Bilangan pelajar sepenuh masa (ijazah dan diploma) tidak termasuk pascasiswazah yang mendapat pendedahan melalui program/ aktiviti keusahawanan berstruktur (luar daripada kurikulum)	2000	2165	

BIL.	PERINCIAN KPI	SASARAN	PENCAPAIAN	T/L
CAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN				
1.	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduat	80	78%	
CAP PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR				
1.	% pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengambil kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) terlibat dengan aktiviti University Community Engagement (UCE)	25%	26%	
CAP INDUSTRI DAN AKADEMA				
1.	Jumlah pendapatan dibahagikan dengan belanja mengurus (%)	9%	36.5%	
CAP PROGRAM PEMINDAHAN ILMU				
1.	Bilangan amalan terbaik dalam pemindahan ilmu yang diterima pakai oleh komuniti dan inovasi yang diterima oleh industri masing-masing	1	2	
2.	Bilangan projek pemangkin/ <i>Flagship</i> Pemindahan Ilmu dan Akademik yang dilaksanakan mengikut Bidang Tumpuan Utama (KRAs) Industri dan Komuniti	2	5	
3.	Bilangan Projek Pemindahan Ilmu dan Akademik dengan kerjasama Industri/Komuniti	4	36	
CAP PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT				
1.	Bilangan penyertaan program PSH (Program PSH Formal)	980	910	
2.	Bilangan penyertaan program PSH (Program PSH tidak Formal)	510	3384	
3.	Bilangan program PSH di IPTA	80	82	

BIL.	PERINCIAN KPI	SASARAN	PENCAPAIAN	T/L
CAP MyBRAIN 15				
1.	Bilangan pelajar PhD (sepenuh masa dan separuh masa) yang bergraduasi dalam tempoh yang sepatutnya di IPTA	15	8	
2.	Bilangan pelajar PhD warganegara yang digraduasi oleh IPTA	10	8	
3.	Bilangan pensyarah berkelayakan PhD dan setaraf berbanding jumlah pengisian pensyarah IPTA	230	257	
4.	Enrolmen Pelajar PhD dan setaraf di IPTA	160	189	
5.	Enrolmen pelajar sarjana dan setaraf di IPTA	390	520	
CAP PENGANTARABANGSAAN				
1.	Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	65	77	
2.	Jumlah pelajar antarabangsa	475	275	
CAP PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN				
1.	Jumlah dana penyelidikan yang diperoleh IPT dari pihak swasta pada tahun semasa	RM125,000	RM715,422.50	
2.	Jumlah dana penyelidikan yang diperoleh IPT dari pihak antarabangsa pada tahun semasa	RM75,000	RM489,544.20	
3.	Jumlah kumulatif penajaan pendapatan Harta Intelek (IP)	RM1,220,579	RM979,849.40	
4.	Bilangan penerbitan oleh universiti dalam jurnal yang diindeks.	110	285	
5.	Jumlah kumulatif penajaan pendapatan perkhidmatan (<i>services</i>) yang berkaitan dengan projek penyelidikan	RM 7, 235,773	RM4,662,147.62	
6.	Jumlah kumulatif penajaan pendapatan hasil daripada produk R&D selain daripada IP dan perkhidmatan	RM1,220,579	RM982,249.40	

PENGURUSAN DATA

RASIONAL PENGURUSAN DATA MASA KINI

Dalam era masa kini, keperluan data dan maklumat merupakan agenda penting sesebuah organisasi dalam membuat keputusan bagi merangka pencapaian dan pembangunan pelan strategik dan transformasi yang lebih sistematik. Secara amnya, amalan pengurusan dan pengumpulan data atau maklumat yang dilaksanakan secara manual dan tidak terancang sudah tidak bersesuaian lagi dengan keperluan semasa, hala tuju negara dan tuntutan perubahan yang pantas di peringkat global.





SISTEM PENGURUSAN DATA UMP



Sistem Pengurusan Data (*e-Dashboard*) yang diguna pakai semenjak 2011 merupakan inisiatif UMP dalam usaha memperkemas proses pengumpulan dan penganalisan data, maklumat beserta bahan bukti bagi tujuan penyaluran data dan maklumat universiti kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (dahulu dikenali Kementerian Pengajian Tinggi).

Sistem ini digunakan sepenuhnya dalam membuat pemantauan data mengikut pegawai tanggungjawab, Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat, jenis data yang dibekalkan dan sebagainya sehinggalah ianya menghasilkan satu laporan dan analisa menepati kehendak universiti dan *stakeholder*.





Pengukuran *output* berteraskan pencapaian KPI menerapkan lima inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu:

- PSPTN sebagai rujukan utama semua IPTA untuk menjadi universiti berkelas dunia dengan Projek Agenda Kritikal (CAPs) meliputi semua aspek yang kritikal untuk Pembangunan Pengajian Tinggi Negara.
- MyRA bagi menilai status penyelidikan IPTA.
- SETARA mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Pertama.
